



Berita Utama

BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN REPUBLIK SINGAPURA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 11 Ogos.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat balik dari Republik Singapura setelah menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun, hari ini.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik dari Republik Singapura setelah menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



5 Kertas Teratas PAE dibentangkan

Muka 6



QARI, qariah negara selamat kembali ke tanah air

Muka 7

Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA dirasmikan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Isnin, 11 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan

Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pagi tadi berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 di Kampus Sinaut, UNISSA, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Al-Rayyan, Kampus Sinaut, UNISSA berkenaan dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku

Pengerusi Majlis UNISSA; dan Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 UNISSA.

Bagi memberkati majlis, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

>> Muka 3



36 belia Daerah Temburong sertai Program Literasi Penerangan

Muka 13

Projek penting dalam usaha negara capai masa depan tenaga mampan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melakar satu pencapaian penting dalam peralihan kepada tenaga bersih dengan Majlis Pecah Tanah bagi Pembinaan Loji Jana Kuasa Fotovoltaiik Solar 30 Megawatt (MW) di

Kampung Belimbing, yang akan menjadi fasiliti tenaga solar terbesar di negara ini setakat ini.

Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji

Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Tuan-tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, rakan strategik projek serta pihak berkepentingan.

>> Muka 8



RENCANA

TAMAN Mahkota Jubli Emas mercu tanda signifikan, lakar warisan sejarah

Muka 20

Berangkat balik meninggalkan Republik Singapura



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat balik dari Republik Singapura setelah menghadiri Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun (kiri). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai. Manakala gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

>> Muka 1

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Dr. Vivian Balakrishnan dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay dan isteri serta Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.



WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	RABU	19	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.45
14	KHAMIS	20	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
15	JUMAAT	21	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.45
16	SABTU	22	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
17	AHAD	23	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.33	7.44
18	ISNIN	24	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.32	7.43
19	SELASA	25	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
30 23 °C	32 23 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

13 OGOS 2025

Kepentingan menabung dan berbelanja mengikut kemampuan

MENABUNG dan berbelanja secara berhemah adalah dua amalan kewangan yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai keperluan dan kehendak, kemampuan untuk mengurus wang dengan bijak dapat membantu kita mencapai kestabilan kewangan serta mengelakkan masalah hutang yang membebaskan. Islam juga tidak menggalakkan hutang seperti dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu katanya : telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Roh seseorang mu'min itu tergantung-gantung (dihalang daripada tempat yang mulia) dengan sebab hutangnya sehinggalah hutangnya itu dilunaskan".

Tabiat menabung membolehkan kita mempunyai simpanan kecemasan untuk menghadapi situasi yang tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan, masalah kesihatan, atau kerosakan kenderaan. Simpanan ini menjadi pelindung kewangan yang memberi kita ketenangan fikiran dan mengelakkan kita daripada bergantung sepenuhnya kepada pinjaman atau bantuan orang lain. Selain itu, menabung juga membantu kita merancang masa depan dengan lebih baik. Contohnya, kita boleh menabung untuk membeli rumah, membiayai pendidikan anak-anak, atau memulakan perniagaan. Dengan adanya simpanan, kita mempunyai modal awal untuk mencapai matlamat jangka panjang tanpa perlu bergantung kepada hutang yang mungkin mempunyai kadar faedah tinggi.

Berbelanja mengikut kemampuan pula adalah langkah penting untuk mengelakkan masalah kewangan. Ramai orang terperangkap dalam gaya hidup mewah yang melebihi pendapatan mereka, yang akhirnya membawa kepada hutang kad kredit atau pinjaman peribadi. Mengamalkan prinsip 'belanja kurang daripada pendapatan' adalah kunci untuk memastikan kewangan kita sentiasa stabil. Kita boleh mempraktikkan berbelanja mengikut kemampuan dengan membuat bajet bulanan. Bajet membantu kita mengenal pasti ke mana wang dibelanjakan, serta membezakan antara keperluan dan kehendak. Keperluan seperti makanan, tempat tinggal, dan bil utiliti perlu diutamakan, manakala kehendak seperti hiburan atau membeli barangan mewah hanya boleh dilakukan selepas keperluan asas dipenuhi.

Akhir sekali, menabung dan berbelanja dengan bijak memupuk sikap disiplin serta tanggungjawab terhadap wang. Sikap ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kita secara peribadi, malah menjadi contoh yang baik kepada keluarga dan generasi akan datang. Dengan mengamalkan tabiat kewangan yang sihat, kita dapat membina masa depan yang lebih terjamin, bebas hutang, dan mampu mencapai impian hidup dengan lebih mudah. Menabung dan berbelanja mengikut kemampuan bukan sekadar amalan kewangan yang baik, tetapi juga kunci kepada kehidupan yang tenang dan teratur. Dengan disiplin, perancangan, dan kesedaran, kita mampu mengawal kewangan kita demi kesejahteraan masa depan.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA DIRASMIKAN

>> Muka 1

Sejurus itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda berkenan mengurniakan sabda perasmian dan seterusnya berkenan menyaksikan tayangan video pelancaran yang antara lain menzahirkan mengenai tema Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 iaitu 'Pembangunan Mampan Industri AgriHalal' (Sustainable Development of AgriHalal Industry), yang memaparkan peranan penting UNISSA dalam memajukan pembangunan mampan dalam industri AgriHalal di tengah-tengah kemunculan teknologi kecerdasan buatan dan cabaran global berkaitan keselamatan makanan serta integriti halal.

Sejurus perasmian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan perasmian Hafl Al-Takharruj yang Ke-15 dan seterusnya berangkat beredar menyaksikan pameran yang mempamerkan penyelidikan-penyelidikan yang dikendalikan oleh beberapa pelajar dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Fakulti Pertanian dan Fakulti Teknologi Islam yang telah memenangi beberapa anugerah dari pertandingan-pertandingan inovasi antarabangsa.

Projek - projek yang dipamerkan meliputi pelbagai aspek seperti kelestarian alam sekitar, pemodenan dan kemajuan bidang pertanian dan pada masa yang sama memastikan ketersediaan dan keselamatan makanan yang mematuhi piawaian halal untuk memenuhi keperluan pengguna Islam.

DYTM seterusnya dijunjung untuk beredar menyaksikan pameran mengenai projek Pengenalpastian Morfologi, Meristik dan Molekul Ikan serta Kerang-Kerangan Marin dan Air Tawar Brunei di Banglo Dar al-Kindi, Kampus Sinaut.

Projek akuarium yang dijalankan pula menternak ikan



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

hiasan seperti *guppy*, *molly*, *platy* dan *swordtail* dalam 18 tangki, berfungsi sebagai pusat penetasan, latihan, dan penyelidikan dan pembangunan bagi program akuakultur UNISSA.

Kemudian, DYTM berangkat ke kawasan Fish Hatchery yang telah dibangunkan oleh Pensyarah Fakulti Pertanian, Dr. Mohammad Bodrul Munir, yang merupakan usaha pertama UNISSA dalam pembiakan ikan air tawar seperti Tilapia, Ikan Keli, Patin, Karok (*climbing perch*) dan Kap.

Inovasi ini diyakini dapat menyumbang kepada keselamatan makanan negara dan pembangunan industri akuakultur Brunei pada masa hadapan.

Turut menarik perhatian DYTM adalah pameran model Penghasilan Padi berkonsepkan Pertanian Bandar di mana projek ini memfokuskan penanaman padi berkonsepkan pertanian bandar melalui proses *conditioning* tanah berasid di Negara Brunei Darussalam dengan bahan *conditioner* organik daripada najis ayam yang dikitar semula di mana pendekatan penanaman padi

berkonsepkan pertanian bandar adalah untuk memastikan penggunaan ruang tanah yang optimum.

Seterusnya DYTM kemudian berangkat ke kawasan projek mini akuaponik di bawah Halalan Thayyiban Student Society (HTSS) dengan penyeliaan Profesor Hamzah Md. Salleh yang menggabungkan ternakan ikan dan penanaman sayur dalam satu kitaran semula jadi.

Sebanyak 500 ekor ikan ditenak dalam tiga kolam mini DIY yang sesuai ditempatkan di kawasan kediaman.

Projek penternakan ikan dan penanaman tanaman ini boleh dilakukan di halaman rumah sambil menawarkan potensi untuk menjaga pendapatan.

Kemudian, DYTM turut dijunjung melawat Banglo Dar al-Khawarizmi yang mempamerkan Pengurusan Pengairan berasaskan Data Cuaca yang mempamerkan data cuaca automatik bersama mikro-lisimeter dapat menentukan keperluan air dalam tanaman padi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 di Kampus Sinaut, UNISSA dan seterusnya berkenan mengurniakan sabda perasmian (kiri dan atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mendengarkan sembah penerangan ketika mengadakan lawatan pada Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 (atas dan atas sekali). Manakala gambar kiri dan bawah, antara peserta yang menyertai pameran tersebut.



>> Muka 4



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.





DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar ramai.

dialu-alukan untuk datang ke Mahrajan Hafl Al-Takharruj yang diadakan mulai 11 sehingga 14 Ogos 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di Kampus Sinaut, UNISSA, Daerah Tutong.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15, dikendalikan bersama oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Fakulti Pertanian, UNISSA, dengan tema 'Pembangunan Mampan Industri AgriHalal', menonjolkan komitmen UNISSA untuk menyumbang kepada ekonomi dan agenda pembangunan lestari negara melalui ilmu, penyelidikan dan inovasi dalam industri halal dan pertanian, ke arah menjamin sekuriti makanan dan integriti halal serta memperkukuh industri pertanian.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj pada lazimnya dianjurkan setiap tahun bagi meraikan pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di UNISSA dan bagi memeriahkan lagi Majlis Hafl Al-Takharruj atau Majlis Konvokesyen UNISSA yang akan berlangsung pada 21 Ogos ini.

>> Muka 3

Komponen utama dalam pengairan padi akan dapat dikuantifikasi melalui eksperimen yang dibuat dalam projek ini di mana ia menekankan kepentingan pengurusan air dalam penanaman padi dengan menentukan keperluan air bagi varieti padi tempatan untuk pengairan yang cekap dan berkesan.

Selepas itu, DYTМ disembahkan dengan projek SMART Fish Solar Dryer yang terletak di Banglo Dar al-Haitham di mana sistem tenaga suria bertindak sebagai rumah hijau pada waktu siang dan akan menggunakan tenaga yang disimpan untuk menggerakkan unit pemanas pada waktu malam; ini adalah sebagai salah satu pendekatan mesra alam yang baharu dalam proses pengeringan ikan, dengan memanfaatkan tenaga suria.

DYTМ turut dijunjung bagi melawat Rumah Hijau yang mempamerkan projek Fitoremediasi di mana projek rumah hijau berkenaan memfokuskan usaha meningkatkan produktiviti tanah padi dengan kaedah tambahan fitoremediasi menggunakan

tanaman kangkung air untuk meneutralkan dan mendetoksifikasi tanah padi yang tercemar logam berat.

Tanah padi yang digunakan dikumpul dari kawasan Batong dan diperkaya dengan pindaan organik hasil pembangunan Fakulti Pertanian, UNISSA.

Selesai menyaksikan pameran, DYTМ kemudian dijunjung berangkat beredar ke ruang lobi Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban bagi merasmikan Fakulti Sains Halal

dan Pelancongan Mampan dengan penandatanganan lembaran kenangan.

Seterusnya, acara Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 juga turut menjunjung DYTМ untuk merasmikan sebanyak 33 buah buku terbaharu terbitan UNISSA dan berkenan menerima pesambah.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTМ berkenan menerima pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA dan turut

berkesempatan beramah mesra bersama tenaga akademik UNISSA dan pelajar-pelajar UNISSA.

Pelbagai aktiviti telah dijadualkan sebagai pengisian sepanjang Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 iaitu Karnival Kerjaya, program 'Halal Green: e-Waste management and Sustainable Campus', dan 'Halal Nougat Class' termasuk Bazar Tani Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15 yang diadakan di Gimnasium UNISSA dan sekitarnya.

Orang ramai adalah



DYTМ berkenan mendengarkan sembah penerangan pada lawatan berkenaan (atas dan kanan).



ANTARA projek yang dipamerkan pada pameran tersebut (atas kiri dan atas kanan)

FAKULTI SAINS HALAL DAN PELANCONGAN MAMPAN DITUBUHKAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan

TUTONG, Isnin, 11 Ogos. - Penubuhan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan bakal menyediakan program pengajian peringkat tinggi dalam bidang pelancongan di samping bidang sains halal sebagai usaha mendukung industri halal dan pelancongan negara.

Berangkat menyempurnakan Pelancaran Penubuhan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), bertempat di UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong, di sini.

Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan ini bukan hanya setakat melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti secara teoretikal dan praktikal di peringkat pra-siswazah dan siswazah dan melaksanakan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan isu kontemporari yang berkaitan

dengan produk dan perkhidmatan halal, hospitaliti dan pelancongan malahan mempersiapkan kepimpinan bagi melahirkan pengamal industri halal dan pelancongan yang mahir, profesional, bersahsiah dan berakhlak tinggi.

Bidang pengajian halal dan pelancongan tersebut sangat diperlukan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya, dan negara-negara Islam seluruh dunia amnya.

Menerusi hasrat NBD untuk menjadi negara maju dalam tahun 2035 melalui Wawasan Brunei 2035, dan sekali gus menjadi Negara Zikir yang memartabatkan prinsip kedaulatan maqasid syariah, para graduan fakulti ini dijangka akan dapat menyumbang ke arah merealisasikan hasrat ini dengan kemahiran yang dimiliki bukan hanya dalam bidang halal dan pelancongan kontemporari semata-mata tetapi juga mengambil kira objektif syariah dan aspek matlamat pembangunan mampan.

NBD dan khususnya UNISSA akan menjadi contoh yang sangat berguna untuk negara-negara Islam yang lain di seluruh dunia dengan penawaran program halal

dan pelancongan yang tidak membelakangkan aspek maqasid syariah.

NBD dengan misinya ke arah Negara Zikir dan Wawasan Brunei 2035 dengan berlandaskan maqasid syariah ini memerlukan pakar-pakar yang berupaya menguruskannya, dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran praktikal yang efisien.

Fakulti yang dicadangkan berkenaan berhasrat memenuhi keperluan ini, dengan melatih dan melahirkan para pengamal industri halal dan pelancongan yang bervisi, bersahsiah, berkemahiran dan berakhlak Islam.

Para graduan fakulti tersebut dijangka bukan sahaja akan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan halal dan pelancongan, tetapi juga dilatih dengan kepakaran dan kemahiran, di samping menyediakan mereka untuk berperanan di peringkat antarabangsa.

Industri halal dan pelancongan adalah merupakan bidang yang sangat penting kerana sumbangannya kepada kewangan dan ekonomi Islam untuk NBD.

Kedua-duanya juga



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan Pelancaran Penubuhan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan.

merupakan satu keperluan buat masyarakat dan generasi baharu khususnya ilmu pengetahuan dan kemahiran terutamanya industri produk dan perkhidmatan halal serta pelancongan halal adalah amat diperlukan untuk melahirkan generasi pelaksana yang berwibawa, berkeyakinan dan cekap.

Harapan untuk melihat graduan yang berkebolehan dalam bidang ini juga adalah sangat tinggi.

Justeru itu, dengan penubuhan

fakulti ini, dijangka akan dapat menawarkan program-program yang bakal melahirkan graduan - graduan yang berkemahiran secara profesional dalam bidang halal dan pelancongan.

Penubuhan fakulti ini juga akan diharap dapat diusahakan dengan jaya dan dapat disaksikan perkembangan dan manfaatnya oleh masyarakat di negara ini dan juga seantero dunia.

33 buku baharu terbitan UNISSA dilancarkan



TUTONG, Isnin, 11 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), berkenan berangkat menyempurnakan Pelancaran Buku-Buku Baharu Terbitan UNISSA Press bersempena dengan Majlis Perasmian Mahrajan Hafli Al-Takharrij Ke-15 di UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong, di sini.

Pada pelancaran tahun ini, UNISSA Press telah berjaya

menerbitkan sebanyak 33 buah buku yang merangkumi enam buah buku dalam bahasa Melayu, 14 buah buku dalam bahasa Inggeris, tiga buah buku dalam bahasa Arab, dua buah monograf, dan lapan buah jurnal.

Selaras dengan tema mahrajan pada tahun ini, iaitu 'Pembangunan Mampan Industri AgriHalal', buku-buku yang dilancarkan turut meliputi pelbagai isu berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG), antaranya 'Sustainable Agriculture for Food Security', 'Beef Cattle in Halal Industry and Maqasid Syariah', 'Agenda Kelestarian Alam menurut Islam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), berkenan berangkat menyempurnakan Pelancaran Buku-Buku Baharu Terbitan UNISSA Press bersempena dengan Majlis Perasmian Mahrajan Hafli Al-Takharrij Ke-15 di UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong (atas kiri). Manakala gambar atas, antara buku-buku yang diterbitkan.

ke Arah Pemerkasaan Pembangunan Mampan', dan 'Philosophical Foundation of Peace and Security in Islam: A Conceptual Framework for the Formal Peace Education'.

Buku-buku lain turut merangkumi bidang aqidah, pengajian Islam, undang-undang Islam, pemikiran dan peradaban Islam, ekonomi dan kewangan Islam, teknologi Islam, serta pengurusan sumber tenaga

manusia.

Di samping itu, lapan buah jurnal baharu berjaya diterbitkan merangkumi dua edisi MAFAZA International Journal of Usuluddin Studies (MIJUS), dua edisi International Journal of Umranic Studies (IJUS), sebuah edisi 'Journal of Halal Science and Technology', termasuklah tiga buah jurnal selung yang diterbitkan buat pertama kali iaitu 'Journal of Islamic Technology'

(JITech), 'Simpur Journal of Agricultural Sciences' dan 'International Journal of Legal Studies and Policies'.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah kemudian berkenan menerima pesambah berupa kesemua buku-buku yang diterbitkan sejurus selepas majlis pelancaran dilaksanakan.

5 KERTAS TERATAS PAE DIBENTANGKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa sesi bergambar ramai yang berlangsung di Dewan Kuliah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB) telah mengadakan sesi pembentangan Lima Kertas Teratas Policy Analysis Exercise (PAE) bagi Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri 19 / 2024 bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dalam Bidang Dasar Awam dan Pengurusan anjuran Kementerian Pertahanan bertempat di Dewan Kuliah Institut berkenaan, hari ini.

Hadir pada sesi tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri

Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Timbalan Pemerintah ABDB dan Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan dari JPM, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, MTIC dan PPDB.

Sesi tersebut dimulakan dengan ucapan kata alu-aluan oleh Pengarah IPPSSHHB, Dayangku Dr. Noor Hasharina binti Pengiran

Haji Hassan. Ia kemudian diikuti dengan tujuh kertas pembentangan daripada para peserta program yang mendapat markah tertinggi bagi komponen PAE.

Panel pertama mempersembahkan tiga pembentangan yang bertemakan 'Economic Policy and Social Welfare'. Pembentang pertama, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Mohd. Ali dari JPM telah mengemukakan cadangan dasar melalui pembentangan beliau yang bertajuk 'Addressing Long Waiting Times in Brunei Darussalam's National Housing Scheme'.

Seterusnya, Haji Awang Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit dari KKBS membentangkan mengenai 'Assessing The Economic Impact of Cultural & Creative Industries : A Pathway to Diversification for Brunei Darussalam' dan diikuti oleh Noor Dina Zharina binti Haji Yahya, JPM membentangkan mengenai 'Low-Carbon Downstream Industry Driving GDP Towards Wawasan 2035 & Beyond'.

Panel kedua sesi pembentangan merangkumi empat pembentangan yang memfokuskan kepada tema 'Education, Technology and Wellbeing'. Leftenan Kolonel (U) Pengiran Mohammad Zulhusmi bin Pengiran Mohammad Roslan dari ABDB telah membentangkan mengenai 'Fragmentation to Integration : A National Policy for Unified Lifelong Learning in Brunei Darussalam'.

Diikuti oleh Penguasa Kanan Polis Haji Mohammad Noor bin Haji Abd. Rahman dari PPDB yang membentangkan mengenai 'Policy Options to Mitigate Cybercrime in Brunei Darussalam'.

Seterusnya pembentangan disampaikan oleh Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar dari ABDB bertajuk 'Policy Options on Healthy Digital Habits Among Children in Brunei Darussalam : A Growing Need for Balance'.

Pembentangan yang akhir sekali disampaikan oleh peserta terbaik Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Ke-31 (EDPSGO-31), Leftenan Kolonel (U) Mohamad Fazley bin Hasabullah dari ABDB yang membentangkan mengenai 'Strengthening the Royal Brunei Air Force Mental Health for Sustained Operational Safety and Readiness'.

Sesi pembentangan diakhiri dengan ucapan penutup daripada Pengarah IPPSSHHB dan penyampaian tanda penghargaan daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II kepada para pembentang.

Semasa sesi berkenaan, institut juga mengedarkan penerbitan buku terbaharunya yang terdiri daripada kompilasi tujuh kertas PAE terbaik daripada Kohort Ke-19 EDP.

Sesi pembentangan ini menggambarkan dan menekankan bagaimana kertas-kertas dasar dapat mendukung dan mengukuhkan perancangan dasar di Negara Brunei Darussalam.

Sesi ini juga bertujuan untuk menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dengan dasar, para penggubal dasar serta pembuat keputusan bagi membincangkan idea-idea dasar yang inovatif demi menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Ini merupakan kali ketujuh sesi pembentangan bagi Top 5 PAE Papers diadakan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2019.

Kem eksplorasi beri peluang kenali keunikan flora, fauna



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait

BELAIT, Selasa, 12 Ogos. - Semua pihak haruslah berganding bahu bagi memastikan hutan terpelihara kerana ia merupakan khazanah yang amat tinggi nilainya yang boleh mendatangkan pelbagai impak yang positif kepada masyarakat dan

negara. Tanpa hutan, kita tidak dapat menikmati keindahan panorama yang dapat kita nikmati pada waktu ini.

Justeru untuk memberi pembelajaran dari segi mental dan fizikal serta mempelajari lagi ilmu

mandiri hutan dan jenis tumbuh-tumbuhan, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat telah menganjurkan Kem Eksplorasi Hutan Tropika 2025 bertempat di Taman Rekreasi Kampung Sungai Mau, bermula 10 hingga 12 Ogos

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa sesi bergambar ramai pada Kem Eksplorasi Hutan Tropika 2025.

2025.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis penutup, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Acara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Bersama, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat.

Seterusnya penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada peserta Kem Eksplorasi Hutan Tropika 2025, diikuti dengan bergambar ramai dan seterusnya tetamu kehormat dibawa melihat tapak perkhemahan.

Antara pengisian program di sepanjang kem tersebut diadakan termasuklah sesi taklimat dan penerangan keselamatan, pembahagian kumpulan, Team Building (berjalan kaki secara berkumpulan), Khidmat Komuniti Belia (membersihkan kawasan air terjun), mempelajari asas mandiri dalam hutan, dan mempelajari membuat jerat serta menganyam

dan menjalin barang peralatan.

Kem yang dianjurkan selama tiga hari itu disertai oleh para belia berumur 15 hingga 35 tahun, dan terbuka kepada ahli-ahli persatuan belia, badan kebajikan, penuntut - penuntut sekolah menengah kerajaan atau bukan kerajaan di Daerah Belait, dan dihadkan kepada seramai 30 orang sahaja.

Setiap peserta dikehendaki mengisi borang penyertaan yang lengkap dan hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Yang Dipertua Persatuan / Pengetua / Sekolah dan ibu bapa serta penjaga masing-masing.

Selain itu, makan dan minum turut disediakan oleh pihak penganjur, namun sebarang keperluan tambahan hendaklah disediakan oleh para peserta itu sendiri, dan setiap peserta yang menyertai kem berkenaan dikehendaki membayar BND3 sahaja bagi perlindungan insuran selama kem tersebut diadakan.

Antara objektif lain kem tersebut diadakan ialah untuk mengenali keunikan flora dan fauna yang ada di dalam negara dan untuk memupuk kesedaran kepentingan perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan serta menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pendidikan dan rekreasi.

DOA KESYUKURAN SEMPENA 27 TAHUN PERKHIDMATAN HOSPITAL PMMPMHAMB



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut.

Sembahyang Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Mohd. Danish Firdaus bin Amin.

Majlis diteruskan lagi dengan Doa Kesyukuran sempena memperingati 27 Tahun Perkhidmatan Hospital PMMPMHAMB, Tutong yang dibaca oleh Awang Mohammad Najib bin Haji Awang Iskandar.

Majlis sambutan tersebut bertujuan untuk memberikan dan menghargai perkhidmatan warga hospital berkenaan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan PMMPMHAMB, Tutong.

Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong.

Majlis berkenaan diadakan di Surau As-Salam, Hospital PMMPMHAMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis diadului dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Awangku Muhammad Hafiz bin Pengiran Haji Rusnan; dan

TUTONG, Selasa, 12 Ogos. - mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena 27 Tahun Perkhidmatan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Qari, qariah negara selamat kembali ke tanah air

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Isnin, 11 Ogos. - Peserta qari dan qariah Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat yang telah menyertai Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-65 dari 2 Ogos hingga 9 Ogos 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia telah selamat kembali ke NBD, baru-baru ini.

Kepulangan peserta qari dan qariah negara diiringi oleh Pembimbing Tajwid dan Fasahah, Awang Haji Abd. Hafeiz bin Haji Nuh yang juga merangkap Pengurus Rombongan dan Pembimbing Suara serta Lagu, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Pegawai Pengiring Perempuan, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta para Pegawai Kanan KHEU.

Dalam pertandingan tersebut, kedua-dua wakil negara telah meraih tempat kelima. Awang Ahmad Zulwaqar mencatat markah sebanyak 89.51 peratus, manakala Dayang Amal Nazirah memperoleh markah 85.25 peratus.

Doa Selamat dan Kesyukuran telah dibacakan oleh peserta qari, Awang Ahmad Zulwaqar sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas keselamatan perjalanan pergi dan balik rombongan serta atas pencapaian yang diraih peserta qari dan qariah negara dalam mengharumkan nama NBD di persada antarabangsa.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam (NBD).

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Ujian
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
A	PROSES PERAKUAN	20
II	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
IV	TIDAK HADIR	20
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
II	PEMOHON DITERIMA	20

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PROJEK PENTING DALAM USAHA NEGARA CAPAI MASA DEPAN TENAGA MAMPAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir merasmikan majlis berkenaan.

>> Muka 1

Projek ini akan dibangunkan oleh Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Syarikat Khazanah Satu Sdn. Bhd. (syarikat berkaitan kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi) dan Syarikat Atlantic Blue Sdn. Bhd. (anak syarikat Solarvest Holdings Berhad, Malaysia).

Projek ini merupakan satu mercu

tanda penting dalam usaha negara bagi mencapai masa depan tenaga yang mampan dan karbon rendah. Projek ini terletak secara strategik di kawasan bekas tapak pelupusan terbiar sebesar 33.29 hektar yang akan dibangunkan sebagai aset tenaga bersih yang produktif.

Setelah siap dibangunkan pada akhir tahun 2026, insyaaAllah loji ini dijangka mampu menjana melebihi 64,000 megawatt-jam tenaga elektrik bersih setiap tahun, yang mana ia dapat membekalkan

tenaga kepada lebih 15,500 buah rumah.

Selain itu, ia dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 41,000 tan setahun, bersamaan dengan penanaman 1.87 juta pokok serta mengurangkan penggunaan bahan api fosil dengan menggantikan lebih 219,000 MMBtu gas asli.

"Projek ini bukan sekadar projek pembinaan. Ia merupakan simbol komitmen NBD terhadap pembangunan mampan dan

kepelbagaian tenaga. Kita sedang membina asas untuk NBD yang lebih bersih, berdaya tahan dan komited terhadap tenaga lestari untuk generasi akan datang," ujar Pengarah Seri Suria Power Sdn. Bhd., Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi.

Pembangunan ini tambahannya selaras dengan sasaran tenaga yang boleh diperbaharui iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti tenaga yang terpasang menjelang tahun 2035, serta matlamat negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2030, seperti yang digariskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kerja-kerja Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, dan Pentauliahan (EPCC) akan dilaksanakan oleh Syarikat Serikandi Solarvest Sdn. Bhd. dengan penekanan kepada pematuhan standard yang tertinggi dari segi keselamatan, kualiti dan tanggungjawab alam sekitar.

Projek ini bermula daripada proses Request for Proposal (RFP) yang kompetitif pada tahun 2021, yang mana membuktikan keberkesanan kerjasama antara sektor awam dan swasta, menggabungkan kepakaran tempatan dengan keupayaan serantau serta amalan terbaik antarabangsa.

Selain daripada impak positif kepada alam sekitar, projek ini turut dijangka mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga tempatan, meningkatkan kapasiti teknikal, dan membangunkan bakat anak tempatan di dalam sektor tenaga hijau. Ini membuktikan komitmen Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. untuk menyokong perjalanan negara ke arah tenaga bersih dan masa depan yang mampan.

Syarikat Seri Suria Power Sdn. Bhd. juga akan menyokong usaha-usaha pembinaan kemahiran dan keupayaan dalam tenaga rendah karbon alternatif, yang mana ia adalah sebahagian

daripada komitmen Syarikat Seri Suria Power Sdn. Bhd. terhadap peralihan tenaga bersih NBD, di bawah bimbingan serta kepimpinan dan visi Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Fasiliti ini akan digunakan sebagai hab pembelajaran dunia sebenar di mana ia akan memberikan pendedahan secara langsung serta memperluaskan rakyat NBD dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang kepada masa depan tenaga rendah karbon negara.

Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Syarikat Khazanah Satu Sdn. Bhd. dan Syarikat Atlantic Blue Sdn. Bhd. yang ditubuhkan khusus untuk pembangunan loji jana kuasa fotovoltaik solar 30MW bagi pembekalan kepada grid nasional.

Sementara itu, Syarikat Serikandi Solarvest Sdn. Bhd. merupakan syarikat usaha sama di antara Syarikat Serikandi Holdings Sdn. Bhd. dan Syarikat Solarvest Borneo Sdn. Bhd. yang memberi tumpuan kepada penyediaan penyelesaian tenaga solar, tenaga bersih dan kepakaran teknikal untuk NBD.



PENGARAH Seri Suria Power Sdn. Bhd., Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi ketika memberikan ucapan.



PROJEK terletak secara strategik di kawasan bekas tapak pelupusan terbiar sebesar 33.29 hektar yang akan dibangunkan sebagai aset tenaga bersih yang produktif.

Majlis Penutup Perkhemahan Beliawanis Harapan



BELAIT, Isnin, 11 Ogos. - Seramai 30 beliawanis dari seluruh negara menyertai Perkhemahan Beliawanis Harapan, Wira Kebajikan 2.0 selama tiga hari dua malam bermula pada Sabtu 9 Ogos sehingga hari ini, 11 Ogos 2025 bertempat di dua lokasi iaitu Masjid Zainab Lumut dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Daerah Belait.

Perkhemahan ini membawakan tema 'Slay, Heal, Empower' (SHE) dan ia merupakan salah satu inisiatif bersama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dikelolakan oleh Kelab Belia Masjid Zainab Lumut dengan kerjasama Kumpulan Ahli Jawatankuasa Takmir Belia Masjid Senegara.

Sehubungan itu, satu Majlis Penutup Perkhemahan telah diadakan di Masjid Zainab dan dihadiri oleh tetamu khas, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian sijil penyertaan oleh tetamu khas kepada para peserta, serta penyampaian hadiah kepada peserta



ISTERI Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan dan penyampaian hadiah (kiri dan atas).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dan kumpulan terbaik sebagai penghargaan atas komitmen dan pencapaian sepanjang program.

Perkhemahan tersebut ditaja sepenuhnya oleh YSHHB sebagai

sebahagian daripada usaha berterusan menyokong pembangunan modal insan dan memperkukuh peranan beliawanis sebagai agen perubahan positif di negara ini.

KHAZANAH RIDE 2025 MEMPERKUKUH JATI DIRI BERLANDASKAN MIB



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau semasa hadir di Pentas Perayaan Kawasan Dermaga, Pekan Bangar.

JERUDONG, Isnin, 11 Ogos. - Lebih 100 ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) menyertai Khazanah Ride 2025 - Bengkel Melayu Islam Beraja (MIB) dan Green Jewel Ride yang berlangsung di Star Lodge Hotel, baru-baru ini.

■ Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Awang Rushdi bin Haji Abd. Rahman.

Acara dimulakan dengan ceramah bertajuk 'MIB Jati Diri Masyarakat Brunei' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji

Muhammad Khairul Azhar bin Haji Idris.

Sesi bengkel dan perbincangan pula dikendalikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, MTMIB, Dr. Siti Salwana Syarfa binti Haji Dahlan; dan Penolong Pensyarah, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan KUPU SB, Dayang Norapizah binti Haji Zalani.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kefahaman para ahli persatuan mengenai peranan MIB sebagai jati diri rakyat Negara Brunei Darussalam, yang mencerminkan perpaduan, kedaulatan, dan identiti kebangsaan berteraskan ajaran Islam, budaya Melayu dan kepimpinan beraja.

Penekanan berkenaan diharap dapat memantapkan penghayatan MIB dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan

masyarakat umum.

Sejurus selepas itu, rombongan PEMODA meneruskan acara Green Jewel Ride, iaitu konvoi menuju ke Daerah Temburong yang diketuai oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.

Ketibaan rombongan di Pentas Perayaan Kawasan Dermaga, Pekan Bangar dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Para peserta berpeluang mengunjungi gerai - gerai perayaan, menyokong pengusaha kecil dan sederhana, serta menyaksikan persembahan pentas yang menampilkan artis-artis tempatan.



SEKITAR Khazanah Ride 2025 - Bengkel Melayu Islam Beraja (MIB) (atas). Sementara gambar kiri, antara persembahan pada pentas perayaan berkenaan.

Pupuk amalan kelestarian alam sekitar



SESI bergambar ramai bersama para peserta dan fasilitator bengkel yang telah diadakan di Pusat Pembangunan Belia (atas). Manakala gambar kanan, salah seorang peserta ketika sesi praktikal dijalankan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Projek BajuRaid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Bengkel Kitani ReStyle: Pengitaran Semula Tekstil telah diadakan di Pusat Pembangunan Belia (PPB) sebagai sebahagian daripada inisiatif Projek BajuRaid yang dikendalikan oleh pasukan Bajuraiders, peserta Program Eksekutif Muda Kohort 10 di bawah Institut Perkhidmatan Awam

(IPA) pada Sabtu, 9 Ogos yang lalu.

Bengkel ini dianjurkan dengan kerjasama La Vida Berhad, PPB, dan Daun Co selaku fasilitator bengkel.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu pembaziran tekstil, memupuk amalan kelestarian, dan

memberi pendedahan kepada kemahiran asas pengitaran semula tekstil melalui teknik jahitan dan rekaan kreatif.

Selain itu, bengkel tersebut juga membuka peluang kepada peserta untuk menjana pendapatan melalui produk yang dihasilkan.

Sepanjang bengkel, para peserta mengikuti sesi penerangan mengenai kelestarian tekstil, perkongsian inspirasi, dan sesi

praktikal selama tiga jam di bawah bimbingan Daun Co dan tenaga pengajar Pusat Pembangunan Belia.

Peserta juga berpeluang menghasilkan produk unik daripada pakaian terpakai yang boleh digunakan semula seperti tote bag.

Projek BajuRaid berhasrat memupuk kesedaran kelestarian alam sekitar dan memperkukuh keterlibatan komuniti dalam

mengurangkan sisa tekstil, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan Sustainable Development Goals (SDGs).

Untuk maklumat lanjut mengenai Projek BajuRaid atau inisiatif pengitaran semula tekstil, sila hubungi pasukan penganjur melalui e-mel bajuraid.bn@gmail.com atau media sosial rasmi Projek BajuRaid di Instagram [@bajuraid.bn](https://www.instagram.com/bajuraid.bn).



Adakah Sembahyang Sunat Asar 2 Raka'at Atau 4 Raka'at?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG sunat yang mengiringi sembahyang fardhu merupakan sembahyang yang dikategorikan sebagai sunat Rawatib. Sembahyang sunat yang mengiringi sembahyang fardhu ada yang dikerjakan sebanyak dua raka'at dan ada juga yang dikerjakan sebanyak empat raka'at.

Menyentuh mengenai sembahyang sunat Asar, ada kalanya seseorang mengerjakannya secara dua raka'at dengan satu sembahyang. Ada kalanya seseorang mengerjakannya secara empat raka'at dalam satu sembahyang. Ada kalanya juga seseorang mengerjakannya secara empat raka'at, namun dikerjakan dengan cara dua raka'at dua raka'at. Persoalannya, cara yang mana satukah yang betul untuk mengerjakan sembahyang sunat Asar?

Kebanyakan ulama seperti Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* dan as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'annah ath-Thalibin* mengatakan sembahyang sunat Asar dikerjakan sebanyak empat raka'at dan ia tergolong dalam kategori sunat *ghair mu'akkadah*.

Waktu mengerjakan sembahyang sunat Asar bermula dengan masuk waktu Asar dan berakhir waktu mengerjakannya dengan berakhirnya waktu Asar. Walau bagaimanapun, disunatkan bagi seseorang untuk mendahulukan mengerjakan sembahyang sunat Asar daripada mengerjakan sembahyang fardhu Asar melainkan jika iqamah untuk sembahyang berjemaah telah dilaungkan, maka hendaklah dia mengerjakan sembahyang fardhu Asar kerana mengikut imam, kemudian setelah selesai, dia boleh mengerjakan sembahyang sunat Asar.

Antara fadhilat mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak empat raka'at ialah orang yang mengerjakannya akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang didoakan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam agar

dikurniakan rahmat sebagaimana yang disebut dalam hadits daripada 'Abdullah bin 'Umar Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Semoga Allah Ta'ala merahmati orang yang mengerjakan sembahyang (sunat Rawatib Asar) sebelum (mengerjakan sembahyang fardhu) Asar sebanyak empat raka'at.

(Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi)

Menurut Imam Ibn 'Allan *Rahimahullah* dalam kitabnya *Dalil al-Falihin*, hadits di atas merupakan isyarat terhadap perkhbarian gembira bagi orang yang mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak empat raka'at bahawa dia akan meninggal dunia dalam keadaan beragama Islam yang merupakan rahmat terbesar dan anugerah tertinggi bagi membina kebahagiaan di akhirat kelak.

Mengenai cara mengerjakan empat raka'at sembahyang sunat Asar itu, menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'annah ath-Thalibin*, katanya :

Ertinya : Dan (boleh) baginya (orang yang mengerjakan sembahyang sunat Asar) menghimpunkannya (empat raka'at) dengan satu takbiratulihram dan (satu) salam, demikian juga (boleh dikerjakan) dengan satu tasyahhud atau dua tasyahhud. Dan (boleh juga baginya) memisahkannya (empat raka'at) dengan dua takbiratulihram dan dua salam, dan ia (dengan cara memisahkannya) adalah yang afdhal.

Berdasarkan kata-kata as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* berkenaan cara mengerjakan sembahyang sunat Asar, dapat dirumuskan bahawa sembahyang empat raka'at sunat Asar itu boleh dikerjakan dengan dua cara berikut :

1. Menghimpunkan empat raka'at dalam satu sembahyang.

Mengerjakan empat raka'at sembahyang sunat Asar dengan cara ini ialah memulai dengan takbiratulihram dan disudahi dengan salam. Cara ini juga boleh dikerjakan dengan dua cara iaitu :

i. Mengerjakan satu tasyahhud sahaja iaitu membaca *tahiyat akhir* pada raka'at keempat, ataupun

ii. Mengerjakan dua tasyahhud iaitu membaca *tahiyat awal* pada raka'at kedua dan seterusnya membaca *tahiyat akhir* pada raka'at keempat.

Lafaz niat mengerjakan sembahyang

sunat Asar empat raka'at itu ialah :

Ertinya : Sahaja aku sembahyang sunat Asar empat raka'at kerana Allah Ta'ala.

2. Memisahkan empat raka'at kepada dua sembahyang.

Mengerjakan empat raka'at sembahyang sunat Asar dengan cara ini ialah melakukan dua kali sembahyang sunat Asar dan setiap sembahyang dikerjakan dua raka'at.

Cara ini adalah cara yang afdhal dikerjakan berdasarkan hadits yang diriwayatkan daripada Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah*, beliau berkata :

Maksudnya : Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam mengerjakan sembahyang (sunat) sebelum Asar empat raka'at. Baginda memisahkan di antaranya (empat raka'at itu) dengan ucapan salam ke atas malaikat yang sentiasa hampir (dengan Allah Ta'ala) dan sesiapa yang mengikuti mereka dari kalangan orang-orang Islam dan orang-orang yang beriman.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Menurut Imam Ibn 'Allan *Rahimahullah* lagi, perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memisahkan empat raka'at sembahyang sunat Asar kepada dua sembahyang itu merupakan cara yang afdhal berbanding menghimpunkannya dalam satu sembahyang kerana dengan cara tersebut, akan bertambah amalan-amalan dan zikir-zikir yang dikerjakan oleh orang yang mengerjakan dua sembahyang jika dibandingkan dengan seseorang yang hanya mengerjakan satu sembahyang.

Lafaz niat mengerjakan sembahyang sunat Asar dua raka'at itu ialah :

Ertinya : Sahaja aku sembahyang sunat Asar dua raka'at kerana Allah Ta'ala.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, bilangan raka'at sembahyang sunat Asar yang disunatkan bagi seseorang untuk mengerjakannya ialah empat raka'at. Bagaimana pula halnya jika seseorang itu mengerjakannya dua raka'at sahaja, adakah ia juga dikira sebagai sembahyang sunat Asar.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah* ada menjelaskan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pernah mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak dua raka'at, beliau berkata :

Maksudnya : Bahawasanya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam mengerjakan sembahyang (sunat) sebelum Asar sebanyak dua raka'at.



Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Hadits riwayat Abu Daud)

Menurut Imam al-Mubarakfuri *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Ahwadzi*, maksud hadits di atas ialah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam kadang-kadang mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak empat raka'at dan Baginda kadang-kadang mengerjakannya sebanyak dua raka'at. Maka seseorang boleh memilih sama ada dia hendak mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak empat raka'at atau dua raka'at. Namun mengerjakannya sebanyak empat raka'at adalah afdhal.

Berdasarkan penjelasan para ulama tersebut, sembahyang sunat Asar itu harus dilakukan dua raka'at kerana Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pernah mengerjakannya sebanyak dua raka'at sahaja. Namun mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak empat raka'at adalah cara yang afdhal untuk dikerjakan kerana orang yang mengerjakannya akan termasuk dalam golongan yang didoakan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam agar dikurniakan rahmat. Menurut Ibn Ziyad *Rahimahullah* sebagaimana yang dinukil oleh Imam al-Jarhazi *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah al-Jarhazi*, seseorang yang mengerjakan sembahyang sunat Asar sebanyak dua raka'at sahaja tidak akan termasuk dalam golongan yang didoakan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam agar dikurniakan rahmat kerana orang yang mengerjakannya sebanyak dua raka'at sahaja tidak mencukupi syarat untuk termasuk dalam golongan yang didoakan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

Permohonan Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan dan kakitangan kerajaan, sama

ada yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara bahawa permohonan Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah pun dibukakan mulai hari ini, Isnin, 11 Ogos 2025 Masihi bersamaan 17 Safar 1447 Hijrah.

Semua permohonan hendaklah dihadapkan kepada JUH, KHEU melalui ketua jabatan masing-masing tidak lewat Sabtu, 11 Oktober 2025M bersamaan 19 Rabiulakhir 1447H.

Pegawai dan kakitangan yang berhasrat untuk memohon Kurnia Tambang Menunaikan Fardu Haji bagi Tahun 1447H / 2026M bolehlah mendapatkan borang permohonan pada hari-hari bekerja iaitu pada sebelah pagi bermula

2.5 peratus dividen untuk simpanan TAP

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Bagi memastikan ahli menerima manfaat pulangan pertumbuhan yang stabil, Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah pun mengkreditkan pulangan dividen sebanyak BND130,704,752.13 ke dalam akaun masing-masing pada kadar tetap 2.5 peratus bagi Tahun Kewangan 2024 hingga 2025 (yang berakhir pada 31 Mac 2025) pada Ahad, 10 Ogos 2025.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jumlah pulangan dividen yang telah dikreditkan, para ahli bolehlah merujuk kepada Penyata Akaun Tahun Kewangan 2024 hingga 2025 dengan melog masuk ke akaun e-Amanah masing-masing di www.tap.com.bn.

Ahli juga boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn bagi sebarang pertanyaan lanjut.

pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi manakala sebelah petang, bermula pada pukul 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Borang permohonan boleh diperoleh di Jabatan Urusan Haji, Tingkat 2, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis,

Negara Brunei Darussalam dan di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu, borang permohonan pengurniaan tambang tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi JUH di pautan : www.juh.gov.bn.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | GET IT ON Google play

MEMPERLUASKAN PENGALAMAN, PENGETAHUAN GURU, PELAJAR



SERAMAI 23 orang delegasi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan menyertai Program Pengantarabangsaan dan Lawatan Sambil Belajar ke Republik Singapura selama lima hari, bermula 11 hingga 15 Ogos 2025.

sekolah-sekolah di rantau ASEAN dengan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam, khususnya melibatkan guru-guru yang terlibat.

Ia juga bertujuan memupuk jati diri, disiplin, dan kemahiran komunikasi para guru dan pelajar di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, program ini diharapkan dapat memberikan pendedahan yang berharga kepada pelajar mengenai budaya dan gaya hidup pelajar di luar negara, khususnya di bandar raya besar yang sedang pesat membangun.

Turut hadir di LTAB ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-sekolah, pentadbiran Sekolah Menengah Sayyidina Hasan serta ibu bapa dan ahli keluarga para pelajar.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 11 Ogos. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, telah menyelaraskan penyertaan delegasi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan yang terdiri daripada 23 orang pelajar Tahun 7 hingga 11 serta 10 orang guru dan 2 orang pemimpin sekolah menengah daripada Kluster 4 bagi Program

Pengantarabangsaan dan Lawatan Sambil Belajar ke Republik Singapura selama lima hari, bermula 11 hingga 15 Ogos 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat berlepas kepada delegasi ialah Pengarah Sekolah-sekolah, Jabatan Pendidikan, Dayang Hajah Marina

Chek binti Bujang.

Program ini merupakan jemputan serta lawatan balas ke Sekolah Menengah Temasek, Republik Singapura, susulan lawatan sekolah tersebut ke Sekolah Menengah Sayyidina Hasan pada 29 Mei 2024.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperluas pengalaman dan pengetahuan guru serta pelajar dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bagi

mata pelajaran yang ditawarkan di kedua-dua sekolah.

Di samping itu, delegasi guru dan pemimpin sekolah tersebut turut diharapkan dapat memperluas pengetahuan dan memperkaya pengalaman dalam aspek pengurusan pentadbiran sekolah, pelaksanaan program serta penganjuran aktiviti sekolah.

Selain itu, program ini dijangka dapat memperkukuh hubungan dan kerjasama serantau antara



MINDA PEMBACA

Peranan belia dalam membina teknologi bermanfaat

DALAM era globalisasi dan Revolusi Industri 4.0, peranan belia dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) semakin penting dan tidak boleh dinafikan. Golongan belia bukan sahaja menjadi pengguna aktif teknologi, malah turut menjadi peneraju inovasi dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan digital, pendidikan, serta pembangunan perisian dan aplikasi.

Belia masa kini membesar dalam persekitaran digital. Mereka lebih celik teknologi berbanding generasi sebelumnya. Ini menjadikan mereka aset penting dalam usaha kerajaan dan sektor swasta untuk memperkukuh ekonomi digital negara.

Ramai dalam kalangan belia telah memanfaatkan platform seperti media sosial, e-Dagang dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk menjana pendapatan serta mencipta peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, belia juga memainkan peranan besar dalam menyampaikan maklumat yang sahih kepada masyarakat. Dalam dunia yang dibanjiri berita palsu dan maklumat tidak tepat, belia yang celik IT dapat membantu menangkis penyebaran maklumat palsu melalui perkongsian kandungan yang berfakta dan bertanggungjawab.

Dalam bidang pendidikan pula, belia menjadi pemacu kepada transformasi

pembelajaran digital. Penggunaan aplikasi pembelajaran, kelas dalam talian dan sumber pendidikan terbuka menjadikan ilmu lebih mudah diakses dan demokratik. Belia juga giat menceburi bidang sains komputer, kejuruteraan perisian, dan keselamatan siber, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara berasaskan teknologi.

Namun begitu, belia perlu diberikan bimbingan dan sokongan yang berterusan agar penggunaan teknologi tidak disalah guna. Pendidikan digital, latihan kemahiran dan kesedaran etika dalam penggunaan teknologi harus diperkasa.

Kesimpulannya, belia adalah

tonggak penting dalam memperkasakan teknologi maklumat negara. Dengan sokongan yang betul, mereka mampu menjadi pemimpin digital masa depan yang berdaya saing di peringkat global.

Nama : Mohammad Azrin Bin Mohammed Asli
No. K/P : 01-082XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
2. 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
3. 'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Program Literasi Penerangan Belia Daerah Temburong tutup tirai



PENGARAH Penerangan semasa hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Temburong (atas dan kanan).

BERAKAS, Selasa, 12 Ogos. - Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Temburong yang berlangsung selama dua hari menutup tirainya dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Majlis Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Program kali ini disertai seramai 36 peserta yang terdiri daripada belia mukim dan kampung dari Daerah Temburong yang sedang menjalani cuti penggal persekolahan.

Terdahulu, program hari kedua dimulakan dengan lawatan ke Pusat Bahagia Tutong, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mereka berpeluang mendengarkan taklimat dan lawatan ke kelas-kelas pertanian, masakan, jahitan dan anyaman yang disertai dan dibuat oleh pelajar pusat berkenaan.

Para peserta juga berpeluang

mengadakan lawatan ke Institusi Penjara Maraburong, dengan para peserta mendengarkan taklimat mengenai sejarah penubuhan dan latar belakang Jabatan Penjara serta program-program pemulihan dan reintegrasi bagi rakan seliaan, demonstrasi sebatan secara sivil dan syariah serta lawatan ke bengkel-bengkel vokasional dan kemahiran.

Menurut Dayang Nur Syahirah binti Ruzman yang berasal dari Kampung Amo, Temburong, beliau yang pertama kali menyertai program berkenaan menyifatkan bahawa ia adalah satu program yang sangat berguna khususnya bagi belia-belia di negara ini kerana banyak ilmu dan pengetahuan dapat diperoleh sepanjang program berkenaan.

"Program ini memberikan pendedahan yang berguna kepada kami, terutamanya bagi belia-belia yang masih di alam persekolahan."

"Ia akan dapat membantu para generasi muda dalam menghadapi kehidupan di masa akan datang terutamanya melalui pendedahan daripada taklimat dan lawatan yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman,
Pengiran Muhammad Kamarularifin Pengiran Roslan



diadakan," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi belia, Awang Muhammad Zorif Hadhari bin Muhammad Fairuz yang menuntut di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengongsikan bahawa banyak perkara baharu yang beliau pelajari sepanjang mengikuti program berkenaan antaranya ialah cara menapih sinjang dan membuat daster, mendengar taklimat mengenai peranan belia, taklimat mengenai jenayah siber dan 'scammer' dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan sebagainya.

Beliau juga menyarankan para belia lain di negara ini untuk menyertai program seumpama berkenaan kerana banyak pendedahan berguna yang dapat diraih melalui program ini.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para

belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



AWANG Muhammad Zorif Hadhari bin Muhammad Fairuz (kiri). Manakala gambar kanan, Dayang Nur Syahirah binti Ruzman.



منوجو كرىضائن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 283, terjemahan makna ayatnya :

"Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya".

Islam tidak melarang umatnya untuk berhutang dan tidak juga menggalakkannya. Sekiranya terpaksa berhutang hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutang. Seseorang itu diharuskan untuk berhutang ketika dalam keadaan kesusahan dan kesempatan hidup yang melibatkan masalah perbelanjaan atau kewangan.

Orang yang berhutang dan pemiutang (yang memberi pinjaman atau hutang) mestilah ada sifat amanah dan jujur. Sifat ini dilihat sebagai satu perjanjian yang membentuk sifat tolong-menolong, kasih sayang dan ketinggian iman seseorang antara mereka yang mampu dengan mereka yang berada dalam kesusahan.

Di samping itu juga Islam menggalakkan umatnya untuk memberi bantuan dan pertolongan dalam pelbagai bentuk seperti makanan atau wang ringgit secara pinjaman atau hutang kepada mereka yang sangat memerlukan bagi membantu mengurangkan beban dan kesulitan yang mereka hadapi. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid, ayat 18, terjemahan makna ayatnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah) akan

digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak".

Namun agama Islam mengambil berat dalam soal memberi, menerima dan membayar hutang. Janganlah kamu meringan-ringankan bab berhutang kerana berhutang sekecil lima sen pun boleh menjadi beban kepada orang yang tidak melunaskan hutangnya. Perkara ini juga boleh menjadikan hubungan sesama manusia menjadi renggang dan terjadinya permusuhan serta roh orang yang berhutang dan belum membayar hutangnya sehingga ia mati maka rohnya tidak akan tenteram kecuali dimaafkan dan dihalalkan hutangnya oleh pemiutang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 2, terjemahan makna ayatnya :

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah)".

Hukum memberi hutang pula adalah sunat dan sangat digalakkan kerana orang yang memberi hutang itu akan mendapat ganjaran yang istimewa di sisi Allah dengan tujuan untuk membantu atau menolong meringankan bebanan orang yang dalam kesusahan dan kesempitan wang, bukannya tujuan untuk mengambil kesempatan atau faedah dari orang yang berhutang. Namun begitu hukum berhutang dan memberi hutang itu boleh berubah mengikut keadaan.

Sekiranya seseorang itu menghadapi kesempitan wang atau sebagainya, maka wajiblah ia berhutang dengan tujuan untuk menanggung atau membiayai perbelanjaan dirinya sendiri mahupun keluarganya. Wajib juga memberikan hutang kepada orang yang benar-benar dalam kesulitan dan darurat. Malah tidak wajib pula diberikan hutang kepada orang yang kaya atau mampu

dengan tujuan menambahkan kekayaannya. Hutang itu akan jatuh menjadi makruh sekiranya pemiutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk perkara yang tidak bermanfaat atau untuk menunjuk-nunjuk, atau penghutang tahu dia tidak dapat membayar semula hutang tersebut. Dan akan menjadi haram jika pemiutang tahu hutang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang diharamkan seperti minum arak, berjudi atau sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 188, terjemahan makna ayatnya :

"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya".

Seseorang yang menanggung beban hutang yang berlebihan adalah tidak akan memperoleh ketenteraman jiwa dan ketenangan fikiran kerana ia akan sentiasa memikirkan bukan sahaja cara untuk membayar atau melangsaikan hutangnya akan tetapi merasa risau dan takut ketika ia tidak dapat melunaskan hutang-hutangnya.

Apa yang menyebabkan seseorang itu menanggung hutang yang banyak ialah kerana sikap tidak tahu mengurus pendapatan atau wang yang diperolehnya, terutama sikap berbelanja yang berlebihan dan ingin hidup bermewah-mewah, menunjuk-nunjuk dan bergaya.

Adapun kesan yang sangat menakutkan apabila hutang itu tidak dapat atau belum habis dilunaskan ialah apabila orang yang masih berhutang itu meninggal dunia, dan ahli-ahli waris tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang si mati atau mereka tidak mengetahuinya.

Menurut sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa orang yang mati dalam keadaan masih menanggung hutang, maka rohnya tidak akan sampai naik ke langit, ia hanya akan terapung-apung di antara langit dan bumi, malah rohnya itu akan terhijab dari pintu syurga sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi dalam kitab Jami'nya daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Roh seseorang Mukmin itu tergantung-gantung (dihilang daripada tempat yang mulia) dengan sebab hutangnya sehinggalah hutangnya itu dilunaskan".

Oleh itu, janganlah kita berbelanja dengan cara membazir sehingga mendedahkan diri kepada hutang yang banyak. Ini juga mengakibatkan diri sentiasa dibelenggu kerisauan apatah lagi jika sampai diisytiharkan 'mufliis' atau bankrap yang mendatangkan kehinaan diri di mata masyarakat. Biarlah kita hidup dengan berpeda dan bersederhana dalam memenuhi keperluan hidup seharian. Ukurlah baju di badan sendiri, ingatlah kekayaan sebenar seseorang itu bukan terletak pada hartanya.

Firman Allah dalam Surah Al-Israa', ayat 26-27, terjemahan makna ayatnya :

"Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya".

Hutang bukan meringankan

MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI PCOS



SEKITAR Kempen Kesedaran The OVATruth : PCOS semasa acara Bandarku Ceria baru-baru ini (kiri dan kanan).

rawatan atau pengurusan.

Manakala, Kuiz Trivia PCOS, iaitu menguji pengetahuan pengunjung sambil memberikan fakta baharu secara interaktif dan menyeronokkan; sementara Cabaran Masa Reaksi, iaitu aktiviti santai yang menguji kecekapan tindak balas peserta.

Stesen berkenaan diperkenalkan sebagai simbolik kepada salah satu simptom PCOS, kerana sesetengah wanita mengalaminya sebagai *brain fog* atau kekeliruan mental yang menyebabkan tindak balas lebih perlahan daripada biasa.

Sepanjang tiga jam program berlangsung, dianggarkan seramai 200 pengunjung singgah ke jerayawara berkenaan, termasuk remaja, golongan dewasa dan ibu bapa yang ingin mendapatkan maklumat untuk diri sendiri serta ahli keluarga.

"Matlamat kami adalah untuk mencetuskan perbincangan,

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan OVAchievers



menghapuskan stigma, dan menggalakkan orang ramai, termasuk kaum lelaki, untuk memahami tentang PCOS.

"Dengan membawa inisiatif ini ke ruang awam yang mesra keluarga, kami berharap dapat memperluas kesedaran dan kefahaman dalam komuniti," ujar Awang Mohammad Aiman Hakeem bin Haji Mohammad Som, selaku wakil OVAchievers.

Kumpulan OVAchievers merakamkan penghargaan kepada

semua yang telah meluangkan masa untuk singgah, bertanya soalan dan berkongsi maklumat dengan orang lain.

Acara seperti Bandarku Ceria menjadi platform terbaik untuk berinteraksi terus dengan masyarakat secara positif dan mesra.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen kesedaran dan aktiviti yang akan datang, orang ramai boleh ikuti akaun Instagram @theovatruth.pcos.

36 belia Daerah Temburong sertai Program Literasi Penerangan



HADIR pada Majlis Pembukaan program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, antara taklimat yang disampaikan ketika berlangsungnya program. Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.



Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Isnin, 11 Ogos. - Sebagai salah satu usaha untuk menyampaikan maklumat rasmi dan hasrat kerajaan kepada golongan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong,

Bahagian Cawangan Daerah, menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Temburong selama dua hari, bermula 11 hingga 12 Ogos 2025 yang diadakan di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang

Lama, Berakas.

Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Temburong kali ini disertai oleh 36 orang peserta yang terdiri daripada belia mukim dan kampung dari Daerah Temburong.

Terdahulu, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman, selaku Pengerusi Program dalam ucapannya antara lain menyentuh bahawa Program Literasi Penerangan ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

Menurut Dayang Izzah Hazirah, program ini juga dihasratkan akan dapat meningkatkan kesedaran para peserta tentang betapa pentingnya peranan belia dalam membangun negara, memupuk kerjasama dan perhubungan erat di antara para belia dan peringkat

akar umbi serta memahami maksud mengenai Dasar Belia 2020-2035.

Program ini turut menyasarkan pembentukan belia yang berakhlak, berjati diri, berwawasan dan bersedia menjadi ejen perubahan dalam membina negara ke arah kemajuan yang menyeluruh dan seimbang di dunia dan akhirat. Ini selaras dengan tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18 iaitu 'Belia Siaga Masa Depan'.

Beliau melahirkan harapan agar para peserta akan menimba bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu, tetapi juga semangat untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan menyokong dasar serta inisiatif kerajaan dengan semangat patriotisme yang tinggi dan sentiasa memiliki nilai luhur iaitu 'Cintakan Agama, Bangsa dan Negara'.

Sepanjang program dua hari ini, bagi memastikan program mencapai objektif yang dihasratkan, program kali ini akan

menyentuh beberapa elemen penting iaitu 'Pembangunan Belia' melalui taklimat mengenai aspirasi dan peranan belia serta sesi perkongsian pandangan terhadap isu dan cabaran semasa yang disampaikan oleh Urus Setia Dasar Belia dan Strategi Brunei, Jabatan Belia dan Sukan.

Kedua mengenai 'Keselamatan Awam' iaitu melalui pendedahan tentang ancaman berita palsu, jenayah siber, modus operandi penipuan dalam talian yang disampaikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) yang beretika, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang baharu saja diperkenalkan yang disampaikan oleh Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT).

Ketiga berkaitan dengan 'Nilai Inklusiviti', melalui lawatan ke Pusat Bahagia dan Penjara Maraburong bagi mendalami maksud keterangkuman dan empati dan terakhir adalah Adat Istiadat Brunei iaitu sesi amali seperti menambat dasar, menapih sinjang dan mengapit kain, bagi memelihara jati diri kebruneian walaupun dalam dunia yang semakin moden yang disampaikan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara.

Hadir pada Majlis Pembukaan program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pabarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.





**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas :
IV, V & VI Sahaja

Kategori :
KA01, KPB04 & P07 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa, 26 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 September 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 029 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Kerja-Kerja
Pembaikan dan Pemeliharaan
Paip-paip Pembahagian dan
Penghubung bagi Kawasan
Sepanjang Jalan Mulaut, Mukim
Kilanas, Mukim Pengkalan Batu,
Mukim Sengkurong A & B,
Kg Ayer, Kg Sg Kebun dan
Jerudong Bagi 36 Bulan
(Zon D6 dan D8)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



**DA / JKSH / 83 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan Cafe
bagi Pusat Perkhidmatan
Setempat Kementerian
Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
23 Ogos 2025,
Jam 9.00 pagi



**Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas :
II Sahaja

Kategori :
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
26 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 September 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 030 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal bagi
Perkhidmatan Membaca Meter Air
untuk Mukim Belait bagi Tempoh
24 Bulan

No. Projek :
2025ADKB / 2109 / 002-002-002

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0018 / 2025

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply and Delivery of Oil
Spill Kits (Oil-Only) and Portable
Dissolved Oxygen (DO) Meter
Device for Aquaculture Industry
Division, Department of Fisheries,
Serasa"

Tarikh Tutup :
Khamis,
28 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
IV & V Sahaja

Kategori :
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa, 26 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 9 September 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM024 / 2025

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembaikan Kepada
Masjid Al-Ameerah Al-Hajah
Maryam, Kampung Jerudong,
Negara Brunei Darussalam

Bil. Projek :
2025DBSBM / JUB.04

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
RTB / 1206-005 / (02)

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Training & Commissioning
of 4K Outside Broadcast TV
Production Facilities & System
Integration (Bangunan Tambahan
RTB - Pembinaan Blok Operasi
Penyiaran & Dewan Serbaguna
Studio di Kompleks Penyiaran
RTB Sungai Akar)

Bayaran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 16 September 2025,
Jam 2.00 petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
13 Ogos 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 2 September 2025,
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 September 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRC 15 / 2025

Nama Projek :
Pembinaan Laluan Pejalan Kaki
Di Kawasan Kompleks
Jabatan-Jabatan Kerajaan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

Bilangan Tawaran :
UTB / TEND / 2025 – 2026 / EST /
01

Keterangan :
Restoration of The Addressable Fire
Alarm System in Phase 3 Buildings
at Universiti Teknologi Brunei

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :**
BND30.00
(Bayaran yuran dokumen tawaran
adalah
tidak boleh dikembalikan /
non-refundable)

Tarikh Tutup Dan Waktu :
19 Ogos 2025
(Tidak lewat dari jam 2.00 petang)



Bilangan Tawaran :
(57) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract
for Provision of Food And
Beverage (F&B) Vending
Machine at Stadium Negara
Hassanal Bolkiah Complex

Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan Tawaran :
(58) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Supply, Fabricate and Install
New Pump, Swimming Pool at
Pusat Belia BSB

Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan Tawaran :
(59) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan :
Supply and Delivery New
Diesel Tractor C/W Rotaslasher
and Canopy at Stadium
Negara Hassanal Bolkiah,
Berakas

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup :
28 Ogos 2025



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Sebut Harga :
KKWE / BTM / PROC / 2025 / 1

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Barang Gunahabis
(Consumables) Toner Mesin
Mencetak Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi Selama Satu (1) Tahun

Yuran Tawaran / Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
BND5.00 bagi yuran e-dokumen
(Tidak dikembalikan)





Tajuk Tawaran 1
Upgrading of Whiskey 3 Stop Bar Lights to Led
AME / 2025-2026 / SH-45
(kelas II atau keatas)

Tajuk Tawaran 2
Renovation of Ame Building
AME / 2025-2026 / SH-46
(kelas II atau keatas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :
Rabu,
13 Ogos 2025

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
Selasa,
2 September 2025,
Tidak lewat jam 2.00 petang

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
3 September 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V Sahaja

Kategori :
B01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
19 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Selasa,
2 September 2025,
Tidak lewat Jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM023 / 2025

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih Bangunan-Bangunan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) - Kampus Gadong

Bil. Projek :
2025DBSBM / PEL.01

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar



Bilangan Sebut harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 07 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga :
Renovation and Upgrading of Office and IT Training Room at Ministry of Primary Resources and Tourism

Tarikh Buka Sebut Harga :
Isnin,
11 Ogos 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
11 September 2025,
Jam 2.00 petang.

Tarikh Taklimat :
Isnin,
1 September 2025,
Jam 10.00 pagi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kategori:
Sijil Pendaftaran Nama-Nama Akta Perniagaan (Seksyen 16 & 17) & Akta Agensi Keselamatan (Penggali 187)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
19 Ogos 2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 2 September 2025,
Tidak lewat Jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM025 / 2025

Nama Projek :
Menyediakan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan di Rumah Teres Kiarong untuk Tiga (3) Tahun

Bil. Projek :
JKR / DBS.IMU03 / 2025

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



Tawaran Untuk Memajukan Tapak Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lilas, Daerah Belait

Bilangan :
06 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :-

Lokasi :
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lilas, Daerah Belait

Keterangan Tapak :
Lot 10

Keluasan :
2 hektar

Syarat :
Buah-buahan tidak bermusim bagi pengeluaran buah sekoi menggunakan teknologi tinggi / moden (greenhouse, fertigasi, pengairan titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan :
4 minggu

Tarikh Mula Iklan :
Rabu, 13 Ogos 2025

Tarikh Berakhir Iklan :
Rabu, 10 September 2025

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu, 8 Oktober 2025,
sebelum jam 3.00 petang

Harga Penjualan Borang :
BND1.00 / borang



Iklan Tarikh Lanjutan

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 02

Pembelian Alat-Alat Kelengkapan bagi Keperluan Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Brunei (PASKTU)

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 5 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 Ogos 2025,
2.00 petang



Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01

1. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 009 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Tutong District and Belait District, Negara Brunei Darussalam – Retender

2. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 010 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone IV Within Brunei Muara District and Temburong District, Negara Brunei Darussalam - Retender

3. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 011 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone III and Zone IIA Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam - Retender

4. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 012 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone I and Zone IIB Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam - Retender Yuran Tawaran Tender Fee BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

5. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 013 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong & Sekolah Arab Belait, Negara Brunei Darussalam - Retender

6. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 014 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah (STA HB) and Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), Negara Brunei Darussalam

7. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 015 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kg Rimba, Negara Brunei Darussalam – Retender

8. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 016 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Ugama (ARAB) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kg Katok, Negara Brunei Darussalam - Retender

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran :
13 Ogos 2025 dan
20 Ogos 2025

Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:
26 Ogos 2025,
Jam 2.00 petang

Tarikh Tutup Tawaran :



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / DIS / 043 / 2025

Tajuk :
Technical Maintenance of Leaked Distribution Transformer for Brunei-Muara for Three (3) Years

Tarikh Tutup :
Selasa,
9 September 2025,
Jam 2.00 petang

Harga Dokumen :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB 3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam KELAS 3, 4 ATAU 5 dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian :
Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17", Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), sijil Tabung Amanah Pekerja, "Tap Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.





**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

KES NO. BCY / CP / 246 / 2024

BIBD At-Tamwil Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Muhammad Amirulhazim bin
Mohamad Halidi**
(BYIC NO. 00-312160)
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 24 April 2025.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**

Muhammad Amirulhazim bin
Mohamad Halidi
No. 3, 1st Floor, Simpang 231,
Bangunan Tiga Hjh Sina Dan
Abd Latip,
Kampung Pintu Malim.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 7 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY / CP / 246 / 2024

BIBD At-Tamwil Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Muhammad Amirulhazim Bin
Mohamad Halidi**
(BYIC NO. 00-312160)
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 24 April 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10),
Mahkamah Besar pada 30 Julai
2025 jam 9.45 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu

mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 30 Julai 2025 jam 9.45 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 30 Jun 2025

Nurul Hidayah binti Hamdan
Timbalan Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 201 / 2024

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Awang Zaini @ Zimin Bin Buang
BYIC NO. 00-255528
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 24 Mei 2025.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**

Awang Zaini @ Zimin bin Buang
Sie Flat Lumut Lunting,
Jalan Maharaja Lela. BA 1712.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 12 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY / CP / 201 / 2024

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Awang Zaini @ Zimin bin Buang
BYIC NO. 00-255528
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 24 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7),
Mahkamah Besar pada 28 Julai
2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti
kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 28 Julai 2025 jam 9.00 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 30 Jun 2025

KES NO. BCY / CP / 177 / 2003

**Standard Chartered Finance (B)
Berhad**

... Pemiutang Penghakiman

Aminah binti Hassan
BYIC No. 00-070584
... Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada 30 April 2005 telah
dibatalkan pada 3 Mei 2025.

Nama Penghutang:
Aminah binti Hassan

Alamat Penghutang:
No. 41, Jalan 24,
Perumahan Negara,
Kampung Rimba, Gadong,
BE3319,
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 6 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 482 / 2012

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance
(B) Berhad)
... Pemiutang Penghakiman

Norsiah Binti Haji Abdul Gapar
BYIC No. 00-061919
... Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada 10 Oktober 2013 telah
dibatalkan pada 19 Jun 2025.

Nama Penghutang:
Norsiah binti Haji Abdul Gapar

Alamat Penghutang:
No. 14, Simpang 1185-73-180,

RPN Bukit Beruang, Tutong,
TC3345,
Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Julai 2025

Muhd Muzakir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 38 / 2022

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Dk Nur Aqilah
Pg Julkepli Md Noor**
BYIC No. 01-034656
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 19 Jun 2025.

**Nama dan alamat
terakhir diketahui:**
Dk Nur Aqilah Pg Julkepli
Md Noor
No. 4, Simpang 355-101-6-5-22-4,
STKRJ Kampung Tungku,
Katok A, BE2119,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 29 Jun 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 9 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 38 / 2022

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Dk Nur Aqilah
Pg Julkepli Md Noor**
BYIC No. 01-034656
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 19 Jun 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9),
Mahkamah Besar pada 11 Ogos
2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam

sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 11 Ogos 2025 jam
9.00 pagi di Mahkamah
Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 9 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 241 / 2024

Baiduri Finance Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Fauzi bin Pungut
BYIC No. 00-305954
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 24 Mei 2025.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**

Mohammad Fauzi Bin Pungut
No. 104, Jalan 60,
Perpindahan Kampung Rimba,
Gadong BE3319,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
27 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 9 Julai 2025

KES NO. BCY / CP / 241 / 2024

Baiduri Finance Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Fauzi Bin Pungut
BYIC No. 00-305954
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 24 Mei 2025.

>> Muka 16

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 11 Ogos 2025 jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 11 Ogos 2025 jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 9 Julai 2025

Nur Sariy Syahmina
binti Haji Jaffri
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 024 / 2025

Tajuk :
Replacement of Bare Overhead Conductors to Insulated Aerial Bundle Conductors at Jalan Bang Ligi Kg Bukit, Tutong for One Year

Tarikh Tutup :
Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 petang

Harga Dokumen :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB 3913
Negara Brunei Darussalam.



1. Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer

DA / JKSH / 77 / 2025 / 2026 [UPP-OGOS-2025]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 pagi)

2. Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Kertas

DA / JKSH / 78 / 2025 / 2026 [UPP-OGOS-2025]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Kertas Bagi Kegunaan Unit Perbekalan Dan Stor, Bahagian Perkhidmatan Kewangan Dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 pagi)



Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Bilangan Tawaran :
EGNC / PM / 4.1 / 7.2025
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning and Warranty of The Precision Air Conditioning (PAC) for The Government at E-Government National Centre Data Centre, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
16 September 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III (II & III) Sahaja

Kategori :
KA01, E01 & E02 Sahaja
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 26 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 021 / 2025
- (SEW).T.III

Nama Projek :
Membaiki Sistem Mekanikal Dan Elektrikal Bagi Stesen Pengepam Pembetungan GDG-30 Baharu, Jalan Penghubung Tungku

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Contractor Class III And Above

Kategori :
E01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
19 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup :
2 September 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 31 / 2025

Nama Projek:
Pengubahsuaian Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Dengan Inisiatif Hijau - Penggantian Lampu Kepada Lampu LED

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran :
14 / BBS / SH / 2025 - 2026

Keterangan Projek :
Repair Sunken Paver Block At Jalan Pretty And Parking Area Near Stage Buidling At Taman Persiaran, Jalan Sungai, Kuala Belait.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori :
KPME02

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-LE/ 29 / 2025

Nama Projek :
Pemeliharaan Lif 'Kone' Di Bangunan Tambahan Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Dan Bangunan Baharu Ibu Pejabat, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
19 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 3.00 petang

Tarikh Tutup :
2 September 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of Repair Work On Fibreglass And HDPE Tanks To Marine Biodiversity, Meragang

Tarikh Tutup:
Khamis,
21 Ogos 2025





ڦيسٽا بوڪو بروني ۲۰۲۵

Pesta Buku Brunei 2025

Anjuran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447
22 – 31 Ogos 2025



Setiap Hari
8.30 pagi – 9.30 malam



**Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas**

Hari Jumaat
8.30 pagi – 11.30 pagi
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



www.dbp.gov.bn



dbpbrunei
pbbbrunei



dbpbrunei



Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei

Muka 2.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 4 Ogos, 1965.

MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA MELULUSKAN USUL MENASEHATKAN KERAJAAN MEMBENA AMPANGAN2 AYER

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara, dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasyarakatan pada pagi hari Selasa, 27 Julai, 1965 telah meluluskan 1 Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, Wakil bagi Kawasan Pintu Malim.

Usul itu berbunyi bahawa Majlis itu menasehatkan Kerajaan supaya Kerajaan dapat membena ampangan2 ayer serta paip2 ayer di-Kampung Subok, Pelambayan dan Dato Gandi bagi faedah dan kemudahan penduduk2 yang berkenaan dengan sa-lekas2-nya.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar, selaku Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah memimpin majlis itu.

Dalam ucapan beliau di-majlis itu, Awang Ali berkata bahawa Kerajaan akan sentiasa memberi pertolongan kepada anak2 kampung bagi melaksanakan ran-

changan2 yang munasabah untuk faedah mereka sekalian.

Saperti biasa, persidangan tersebut di-mulai dengan baca'an Do'a Selamat.

Do'a Selamat itu di-bacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang di-lantek oleh Kerajaan.

Sa-lepas Majlis itu meluluskan usul tersebut, Pengerusi Majlis itu pun menangguhkan persidangan itu ka-satu tarikh yang akan datang kelak.

Sambutan Maulud Di-Temburong

BANGAR. — Kira2 1,000 orang telah mengambil bahagian dalam Majlis Sambutan Maulud di-Pekan Bangar, Temburong pada pagi 24 Julai, 1965.

Sambutan itu di-mulai dengan mengadakan satu perarakan dan di-ikuti dengan perjumpaan 'am.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin yang juga menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Sa-Negeri Brunei telah menguchapkan tahniah atas kejayaan penduduk2

di-Daerah Temburong mengadakan majlis itu.

Beliau menasehatkan kepada Umat Islam di-seluruh negeri ini supaya mempelajari ajaran Ugama Islam dengan sa-dalam2-nya untuk faedah mereka.

Beberapa orang telah memberikan ucapan di-majlis itu. Di-antara-nya ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin; Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan dan Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 6 Ogos, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:—

(a) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Kampung Keriam, Tutong.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei

Orang ramai, lelaki dan perempuan ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Ogos hingga ka-hari Selasa 10 Ogos, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	4	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
	5	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
	6	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
	7	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	8	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	9	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
	10	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

Perkahwinan Di-Raja:

SHARIKAT MINYAK SHELL MENGHANTAR KAWAT TAHNIAH

SERIA. — Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Setia, Awang P. E. Thompson telah menghantarkan sa-puchok Kawat Tahniah kepada Setia Usaha Sulit Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, bersempena dengan Hari Perkahwinan Di-Raja baru2 ini.

Kandungan kawat tersebut ada-lah saperti berikut:

"Pohon sembahkan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha ucapan Ta'at Setia dan Selamat Pengantin Baru serta ucapan kegembiraan dari seluroh pe-

kerja2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad atas Hari Perkahwinan Di-Raja mereka".

Sementara itu, Setia Usaha Sulit Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, telah mengirim kawat kepada Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell membalas ucapan tahniah. Kawat tersebut berbunyi:

"Kawat tuan telah di-sembahkan kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah. Saya di-arah menguchap berbilang2 terima kasih Baginda kepada tuan dan kakitangan Sharikat Minyak Shell Berhad Setia atas ucapan2 yang bahagia itu".

Persembahan Tablo Di-Majlis Sambutan Maulud Mukim Sengkurong



Satu pemandangan persembahan Tablo oleh Persatuan Belia Sengkurong di-Majlis Sambutan Maulud oleh penduduk2 Mukim Sengkurong yang telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Sengkurong baru2 ini.

MALAM AMAL Ikatan Belia Berakas Brunei

BERAKAS. — Ikatan Belia Tabong Derma Ikatan Belia Berakas, Brunei (I.B.B.B.) akan Berakas, Brunei.

Di-antara achara2 yang akan Di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah sa-buah derama berjodol "Putus Di-tengah Jalan", tarian2, nyanyian2 dan lawak jenaka.—Berita kiriman Awang-

Tujuan di-adakan temasha derma bakti itu ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu Salleh.

**GUNAKAN-LAH
BAHASA MELAYU**



Taman Mahkota Jubli Emas mercu tanda signifikan, lakar warisan sejarah

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

TAMAN Mahkota Jubli Emas sebelumnya dikenali dengan nama Eko Koridor yang disempurnakan perasmianya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 Oktober 2017.

Pemilihan nama taman adalah bersempena Sambutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Taman Mahkota Jubli Emas mempunyai ciri-ciri menarik dan taman ini difahamkan adalah ilham daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai pesambah istimewa sempena Jubli Emas.

Taman Mahkota Jubli Emas merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN.

Pelaksanaan projek mega itu tidak syak lagi telah mengubah landskap Bandar Seri Begawan (BSB) menjadi bandar yang lebih moden, dinamik dan menarik. Ia juga antara mercu tanda yang signifikan di sekitar ibu kota yang menjadi tumpuan pengunjung termasuk pelancong asing.

Taman tersebut mempunyai keluasan 11 hektar dan merupakan sebahagian daripada pelan induk perancangan BSB yang dapat menjadi wawasan juga sebagai identiti bandar dengan kawasan *waterfront* bertaraf dunia.

Antara objektif pembinaannya adalah untuk mengurangkan banjir di kawasan tadahan Sungai Kedayan selain untuk meningkatkan penghubungan dan mempromosi gaya hidup sihat dan menyediakan kawasan baharu bagi pembangunan ekonomi pada masa hadapan.

Taman tersebut mempunyai satu jeti yang dinamakan Jeti Darussalam, terletak di hujung teres dan dihubungkan terus ke pintu

masuk Istana Darussalam, iaitu tempat orang ramai yang menggunakan pengangkutan air untuk turun dan naik ke kawasan taman berkenaan.

Ia juga dijadikan sebagai warisan memperingati sejarah Istana Darussalam yang merupakan tempat kelahiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan tempat baginda dibesarkan.

Manakala Riverfront Promenade pula menyediakan kemudahan yang beraneka untuk bersukan dan bermain serta aktiviti luar lainnya, langsung berhadapan dengan sungai.

Trek pejalan kaki dan penunggang basikal selebar enam meter memberikan udara segar di sepanjang Riverfront Promenade yang dihiasi dengan pelbagai tanaman dan pokok yang unik seperti pokok Rainbow Gum dan Willow.

Tempat tersebut sesuai untuk bersiar-siar dan bersantai dalam sebuah kawasan yang kondusif bagi semua warga terutama sekali bagi mereka yang membawa anak kecil, warga emas dan mereka yang ingin mencari pengalaman baharu.

Di sepanjang Riverfront Promenade, lantainya dilapisi dengan batu granit yang mempunyai makna, diilhamkan oleh warisan Brunei, iaitu 'Kain Sinjang' yang dicampur dengan corak geometrik Islam, untuk mewujudkan hubungan kuat dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Grand Entrance atau Pintu Utama taman tersebut merupakan sebuah jalan bersebelahan dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang direka khusus untuk kegunaan majlis perarakan.

Ciri utama di sepanjang jalan adalah barisan air pancut yang berfungsi sebagai pernyataan pintu masuk yang dihiasi dengan pokok Copernicia Alba di kedua belah jalan.

Mendekati pusat taman, terletak susunan tiga baris pokok Terminalia dan Cassia Fistula berwarna-warni dan menarik yang mampu mewujudkan komposisi canggih di sepanjang koridor.

Terdapat reka bentuk keris yang ikonik berdekatan air pancut berlatarbelakangkan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, memberikan maklumat seperti peta taman dan sejarah masjid untuk pengetahuan para pengunjung.

Ia direka bentuk berdasarkan bendera negara serta warna-warna yang mencerminkan kesan tiga dimensi kotak,

yang menjadikan identiti Brunei lebih jelas lagi.

Sementara itu, Jambatan Pejalan Kaki Sultan Omar 'Ali Saifuddien berfungsi sebagai karya di kawasan tersebut yang melambangkan hubungan di antara masa lalu, sekarang dan masa hadapan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bulan sabit di tengah-tengah jambatan melambangkan Islam menyatu sempurna dengan suasana taman untuk kewujudan mercu tanda bandar baharu.

Jambatan dengan bulan sabitnya yang diterangi lampu di malam hari bukan saja berfungsi sebagai ciri ikonik, tetapi lebih pada satu perjalanan *spatial*, di mana pengunjung dapat berjalan-jalan melihat keindahan Sungai Kedayan dari kedua belah hujung jambatan.

Inspirasi taman ini adalah dari warisan Brunei, iaitu 'Air Muleh' yang diterapkan di pelan taman, agar dapat memberikan pengalaman ciri-ciri reka bentuk ketika berjalan-jalan di sekitar taman berkenaan.

Bersama-sama dengan rangkaian lampu bercorak bebola bunga yang berwarna-warni dan pohon-pokok Baobab, Jacaranda Mimosifolia, Lagerstromia Floribunda dan Cassia Grandis, taman ini juga mampu menciptakan suasana yang hidup dan dinamis.

Taman dirancang untuk mempromosikan NBD sebagai sebuah 'Negara Zikir'.

Terdapat 'Dinding Sejarah' di kedua sayap taman untuk mengingati sejarah dan penduduk asli Kampong Ayer dengan memaparkan latar belakang bagaimana kampung masing-masing dinamakan orang harapan akan dapat memotivasi orang ramai untuk menghargai tradisi dan kebudayaan Brunei.

Maklumat tersebut ditempatkan pada corak reka bentuk berdasarkan Islam, dengan warna bendera Islam dan bendera negara, yang dipadukan dengan tema taman serta kawasan sekitarnya.

Di sepanjang dinding, terdapat juga dinding mercu tanda dengan nama taman berbentuk siluet berdasarkan pada mercu tanda NBD.

Reka bentuk dinding sebelah luar diilhamkan dari warisan Brunei, iaitu 'Kain Tenunan' dengan warna bendera negara apabila dilihat dari jarak jauh, tetapi apabila berdekatan, garis reka bentuk itu didasarkan pada kerajinan di 'Kain Tenunan' itu sendiri.

Di teras atas sebelum menuju ke jambatan, terdapat lima buah panel 'Demi

Masa' yang mencerminkan reka bentuk dinding luar, bertujuan untuk mengingatkan pentingnya hidup dalam kebenaran, kesabaran dan keimanan melalui penempatan lima karya seni khas yang menampilkan maklumat mengenai solat lima waktu. Ia mencerminkan secara konsep akan pentingnya kita menghargai masa dengan amalan yang benar.

Selain taman yang menyediakan keindahan semula jadinya, di taman ini juga terbinanya BIBD Connects yang dilancarkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, yang juga selaku Pengerusi BIBD. Pembukaan semula berkenaan menandakan satu langkah penting dalam komitmen BIBD untuk memupuk penglibatan komuniti dan menyokong perniagaan tempatan. Ia turut disediakan dengan tempat duduk yang dilengkapi dengan penyaman udara, menyediakan persekitaran yang mesra untuk keluarga dan rakan-rakan berkumpul dan meluangkan masa bersama. Ini juga merupakan bukti komitmen berterusan BIBD untuk menjadi 'Bruneian at Heart', memupuk persekitaran inklusif seiring dengan nilai komuniti.

Sebagai sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), kemudahan berkenaan juga menawarkan ruang vendor yang diperluas, memperkasa usahawan dengan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Dengan sentuhan keindahan budaya, tempat berkenaan turut dihiasi dengan dua mural yang menarik oleh artis tempatan, iaitu Syazwi Shamri dan Guerrilla Architects.

Syazwi Shamri merupakan seorang artis seni digital tempatan dan tradisional yang terkenal dengan mural, landskap dan lakaran bandarnya dengan mengetengahkan gaya eksklusifnya dalam meraikan keindahan warisan budaya NBD.

Sementara itu, Guerrilla Architects, perintis seni grafiti tempatan yang terkenal dengan mural berskala besar, memberikan sentuhan moden yang menyeronokkan dan kontemporari kepada ikon tradisional, mencipta latar belakang yang memberi inspirasi kepada masyarakat.

Di sekitar BIBD Connects dan Taman Mahkota Jubli Emas juga turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk orang ramai seperti tempat duduk, tong-tong sampah dan tandas awam.

INOVASI PELAJAR UNISSA RELEVAN CABARAN SEMASA



AWANG Haji Muhammad Hadi Wafi bin Abdullah, pelajar Sarjana Muda Sains dalam Agribisnes (Pertanian) (kiri sekali); Dayang Nor Surilawana Sulaiman dan Dayang Aqilah Walin Ali (gambar kedua dari kiri); Dayang Nur Akashah Nadhirah Afifah binti Razali, pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (gambar kedua dari kanan); Dayang Siti Aimi Sakini binti Haji Ramli, pelajar Sarjana Teknologi Media dan Komunikasi Islam (Teknologi Islam) (kanan sekali).

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



ANTARA anugerah yang telah diterima pada tahun 2024 (atas dan bawah kanan).

SINAUT, Isnin, 11 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Mahrajan Hafli Al-Takarruj Ke-15, sebuah festival bersempena dengan Majlis Konvokesyen yang akan diadakan tidak lama lagi.

Berlangsung di Kampus Sinaut, UNISSA, festival tahun ini mengangkat tema 'Pembangunan Mampan Industri AgriHalal', dengan pameran dan demonstrasi

yang direka untuk melibatkan pengunjung dalam meneroka bagaimana ajaran Islam dapat diterapkan bagi mencapai pembangunan mampan, khususnya dalam industri AgriHalal.

Pameran menampilkan gabungan inovasi pelajar, penyelidikan dan semangat keusahawanan yang menyumbang kepada ekonomi serta agenda



pembangunan lestari negara melalui ilmu, penyelidikan dan inovasi dalam industri halal dan pertanian iaitu ke arah menjamin sekuriti makanan, integriti halal dan memperkukuh industri pertanian negara.

Semasa pelancaran majlis tersebut, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa pelajar dan kumpulan yang menyertai pameran tersebut.

Awang Haji Muhammad Hadi Wafi bin Abdullah, pelajar Sarjana Muda Sains dalam Agribisnes (Pertanian), memperkenalkan Kit Kompos Coffee Ground yang memfokuskan kitar semula sisa kopi dan dapur menjadi kompos berkualiti tinggi dan mesra alam. Inisiatif ini menggalakkan ekonomi kitaran dan budaya mengurangkan sisa organik dari kafe tempatan.

Beliau mendedahkan, projek ini telah bekerjasama dengan beberapa kafe tempatan dan berjaya mengitar semula ratusan kilogram sisa kopi setiap bulan. Sisa kopi yang kaya nutrien seperti nitrogen boleh dikomposkan di rumah dengan mudah, di samping aroma kopi membantu mengurangkan bau sisa dan menghalau serangga.

Inisiatif yang diusahakan oleh beliau ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG 11, 12, 13) serta Wawasan Brunei 2035 dalam usaha mengurangkan sisa makanan dan memacu inovasi hijau.

Manakala Dayang Siti Aimi Sakini binti Haji Ramli, pelajar Sarjana Teknologi Media dan Komunikasi Islam (Teknologi Islam) ketika ditemui mempamerkan Projek Dron Agroteknologi dalam Meningkatkan Ekonomi Industri Pertanian di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Projek ini menggunakan dron untuk mengesan kekurangan nutrien pada tanaman padi seperti nitrogen, fosforus dan potasium. Data pengesanan dihantar terus ke aplikasi mudah alih yang memaparkan peta lokasi sawah padi yang memerlukan baja tertentu.

Setakat ini, ujian dijalankan di Kampus Sinaut dengan tumpuan pada pembangunan sistem pembelajaran mesin (*machine learning*) untuk meningkatkan ketepatan pengesanan.

Menurut beliau, teknologi ini menyokong keselamatan makanan, diversifikasi ekonomi,

dan pembangunan modal insan seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 serta bercadang untuk mengembangkan kepada pengesanan masa nyata (*real-time detection*).

Seterusnya, Dayang Nur Akashah Nadhirah Afifah binti Razali, pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban ketika ditemui media pula menghasilkan Projek Lawatan Maya Penyembelihan Halal Tanpa Stun bagi Ruminan. Tercetusnya idea untuk menjalankan projek ini melalui beberapa siri lawatan ilmiah yang dibuat ke beberapa pusat penyembelihan.

Beliau menerangkan bahawa projek ini memaparkan video pendidikan yang menunjukkan proses penyembelihan halal tanpa kaedah stunning, menekankan garis panduan syariah, kebajikan haiwan dan kebersihan makanan.

Inisiatif ini menyediakan sumber

KIT Kompos Coffee Ground memfokuskan kitar semula sisa kopi menjadi kompos berkualiti tinggi dan mesra alam (kanan).

visual mudah diakses untuk pelajar, penyelidik dan masyarakat umum, sekali gus meningkatkan kefahaman terhadap amalan penyembelihan halal.

Dayang Nor Surilawana Sulaiman bersama Dayang Nur Akashah Nadhirah Afifah, Dayang Aqilah Walin Ali dan Awang Syafiq Sabre ketika ditemui menerangkan bahawa mereka telah membangunkan Purrfectly Green iaitu sebuah inovasi mengurangkan pembaziran makanan haiwan dengan menghasilkan makanan haiwan peliharaan yang berkhasiat, halal, dan mesra alam.

Inovasi ini membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, menurunkan tekanan terhadap tapak pelupusan serta menyokong ekonomi kitaran dan perniagaan tempatan. Ia juga telah meraih pelbagai pengiktirafan termasuk Pingat Emas di INVENTOPIA 2025 dan INOVASI24, Pingat Perak di INNCOM V 2024 serta Pingat Gangsa di IIC 2024.

Festival ini jelas membuktikan bahawa inovasi pelajar UNISSA bukan sahaja relevan dengan cabaran semasa, malah berpotensi besar memberi impak positif kepada industri halal, pertanian dan kelestarian negara.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

ANTARA produk inovasi para pelajar yang diketengahkan pada majlis berkenaan (kiri dan kiri sekali).



TESLA BUKA BILIK PAMERAN DI IBU NEGARA INDIA

NEW DELHI, 12 Ogos. - Tesla, sebuah syarikat multinasional Amerika Syarikat (AS) dalam sektor automotif dan tenaga bersih, pada Isnin membuka bilik pameran keduanya di India, lapor Xinhua.

Bilik pameran itu dibuka di Worldmark 3, Aerocity di ibu negara India, New Delhi.

"Lokasi di Aerocity menandakan cawangan pertama syarikat itu di ibu negara dan yang kedua di seluruh negara," kata seorang pegawai syarikat.

Bulan lalu, Tesla secara rasmi menandakan kemasukannya ke pasaran kenderaan elektrik (EV)

India dengan pembukaan bilik pameran pertamanya di Maker Maxity Mall, Bandra Kurla Complex di Mumbai, pusat kewangan India.

Menurut laporan, Tesla merancang untuk memperluas rangkaian pengecas pantas di Delhi-Wilayah Ibu Negara, Mumbai dan Bengaluru, serta memulakan penghantaran kenderaan di India menjelang September.

Setakat ini, pembuat kereta itu tidak mempertimbangkan untuk membina kilang bagi menghasilkan kenderaan di India.

Buat masa ini, Tesla hanya akan menjual SUV Model Y di India, dengan rancangan untuk

memperluas kepada model lain apabila jualan meningkat.

Bulan lalu, syarikat itu mendedahkan harga kenderaan elektriknya, dengan harga di jalan raya bagi Model Y pacuan roda belakang disenaraikan pada AS\$71,149, manakala varian jarak jauh pada AS\$80,583.

Pakar automotif berkata Tesla akan bersaing terutamanya dengan jenama mewah Jerman seperti BMW dan Mercedes-Benz, dan bukannya pengeluar EV pasaran massa tempatan seperti Tata Motors dan Mahindra. - ©BERNAMA

Ribuan dipindahkan akibat kebakaran hutan berhampiran pusat peranginan Tarifa di Sepanyol

MADRID, 12 Ogos. - Lebih 2,000 orang dipindahkan ke tempat selamat susulan kebakaran hutan berhampiran pusat peranginan Tarifa di selatan Sepanyol, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mereka yang terjejas termasuk pengunjung pantai, tetamu pusat peranginan dan penduduk di kawasan Playa de Atlanterra serta Playa de Bolonia, kata Menteri Dalam Negeri wilayah Andalusia, Antonio Sanz pada Isnin.

Menurut maklumat rasmi, kebakaran tercetus pada pagi Isnin di hutan eucalyptus dan pain di pergunungan Sierra de la Plata, sebelum merebak pantas ke arah pantai pada peringkat awal.

Lebih 100 anggota bomba bertungkus lumus memadamkan kebakaran di darat pada petang Isnin, dengan sokongan 14 pesawat dan helikopter.

Angin kencang dengan kelajuan sehingga 50 kilometer sejam menyukarkan usaha memadam kebakaran.

Kurang seminggu lalu, kawasan sekitar Tarifa di wilayah Cádiz turut dilanda kebakaran hutan yang memaksa pemindahan tetamu di beberapa hotel, penempatan dan tapak perkhemahan di kawasan La Peña, melibatkan kira-kira 1,500 pelancong dan penduduk.

Kebakaran itu memusnahkan kawasan seluas 280 hektar.

Pada Isnin, wilayah Galicia dan Castile dan León di barat laut Sepanyol turut berdepan beberapa siri kebakaran hutan dan tumbuh-tumbuhan berskala besar. - ©BERNAMA

Menteri APEC terima pakai kenyataan bersama gesa perkukuh keselamatan makanan global

SEOUL, 11 Ogos. - Negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) pada Ahad menerima pakai satu kenyataan bersama yang menggesa usaha memperkukuh keselamatan makanan di rantau ini demi kemakmuran bersama, menurut Kementerian Pertanian Korea Selatan.

Lapor Agensi Berita Yonhap, langkah ini diambil susulan pelbagai cabaran global terhadap keselamatan makanan, termasuk perubahan iklim, penuaan populasi, gangguan rantaian bekalan serta kemiskinan di beberapa wilayah, faktor yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga makanan dan meningkatkan risiko ketidakjaminan makanan serta kekurangan zat makanan.

"Kami terus komited untuk mempromosikan kerjasama dalam kalangan ekonomi anggota APEC dan memupuk solidariti bagi mengukuhkan keselamatan makanan melalui sistem agromakanan yang produktif, lestari, berdaya tahan dan inovatif demi kemakmuran rakyat kita dan generasi akan datang," menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Mesyuarat Menteri Keselamatan Makanan APEC 2025, yang

berlangsung selama dua hari di Incheon, kira-kira 40 kilometer di barat Seoul.

Mesyuarat 2025 menghimpunkan kesemua 21 menteri berkaitan keselamatan makanan dari negara anggota APEC, termasuk Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Jepun dan Kerajaan Thailand, dengan tema 'Menerajui Inovasi dalam Sistem Agromakanan untuk Kemakmuran Bersama'.

Dalam kenyataan bersama itu, menteri mengulangi komitmen mereka terhadap pelan tindakan APEC untuk memperkukuh keselamatan makanan serantau menjelang 2030 dan mewujudkan komuniti Asia-Pasifik yang berdaya tahan dan aman menjelang 2040.

"Sebagai respons kepada kebimbangan ini, ekonomi APEC mengiktiraf kepentingan memajukan sistem makanan yang lebih lestari dan berdaya tahan melalui penggunaan sumber pertanian secara cekap serta pelaksanaan dasar dan pendekatan yang menyokong pertumbuhan produktiviti pertanian secara mampan," menurut kenyataan itu.

Menteri juga menyeru penggunaan teknologi digital canggih seperti Kecerdasan

Buatan (AI) dalam sektor makanan dan pertanian untuk meningkatkan kelestarian rantaian bekalan, sambil mengiktiraf peranan penting perdagangan dalam mencapai keselamatan makanan.

"Kita sudah memiliki pelbagai teknologi seperti pertanian pintar dan dasar berasaskan data (bagi memperkukuh keselamatan makanan), dan persoalan utama sekarang ialah, Dengan siapa dan bagaimana kita akan menghubungkan semua unsur ini untuk membawa perubahan sebenar?" kata Menteri Pertanian Korea Selatan, Song Mi-ryung.

Song turut berkata Korea Selatan akan berkongsi pengalaman dalam pertanian pintar dan pembangunan model perniagaan pertanian berasaskan AI dengan rakan global untuk memperkukuh keselamatan makanan di rantau ini.

Sementara itu, di luar sesi utama mesyuarat menteri, Song turut mengadakan pertemuan dua hala bersama rakan sejawatnya dari Republik Rakyat China, Jepun, Republik Sosialis Viet Nam dan Malaysia bagi membincangkan usaha memperluas eksport produk makanan Korea Selatan ke negara berkenaan, menurut pejabat beliau. - ©BERNAMA

Bangladesh berhasrat tarik pelaburan Proton dalam pembuatan kereta

NEW DELHI, 11 Ogos. - Pembuatan kenderaan elektrik oleh Proton Holdings Berhad menarik perhatian Bangladesh yang kini berhasrat menarik pelaburan pengeluar kereta nasional Malaysia itu.

Menarik pelaburan syarikat-syarikat Malaysia dalam pelbagai sektor menjadi agenda utama Ketua Penasihat Kerajaan Sementara Bangladesh, Muhammad Yunus sempena lawatan tiga hari beliau ke Malaysia bermula Isnin.

"Mereka menghasilkan banyak kereta. Semasa lawatan itu, Bangladesh akan mengundang Proton Holdings untuk melabur di sini," kata Setiausaha Akhbar Yunus, Shafiqul Alam pada sidang media di Dhaka pada Ahad, menurut laporan Bangladesh Sangbad Sangstha.

Beliau turut merujuk kepada usaha Proton dalam pengeluaran kenderaan elektrik (EV) ketika menyampaikan kenyataan itu.

Syarikat itu melancarkan kenderaan elektrik pertamanya, Proton e.MAS 7, pada Disember 2024 dan kini mengadakan siri jelajah di bandar-bandar utama Malaysia dari Ogos hingga Oktober bagi memperkenalkan Proton e.MAS 5, model kedua dalam siri EV berkenaan.

Dalam pada itu, Bangladesh turut berhasrat meneroka penglibatan Malaysia dalam aktiviti perikanan laut dalam.

"Kami menangkap ikan Hilsa dan ikan laut lain dalam jarak 40 hingga 50 kilometer dari laut dalam. Namun, sempadan maritim kami adalah kira-kira 210,000 kilometer persegi," kata Shafiqul Alam.

Lawatan Yunus, diadakan atas jemputan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan turut diiringi Penasihat Hal Ehwal Luar, Mohammad Touhid Hossain, Penasihat Kebajikan Ekspatriat dan Pekerjaan Luar Negara, Asif Nazrul, Penasihat Tenaga, Kuasa dan Sumber Mineral, Fouzul Kabir Khan, Penasihat Keselamatan Negara, Khalilur Rahman, Utusan Khas Ketua Penasihat Bagi Hal Ehwal Antarabangsa, Lutfey Siddiqui, dan Pengerusi Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Bangladesh (BIDA), Chowdhury Ashiq bin Harun. - ©BERNAMA

New Zealand putuskan pengiktirafan negara Palestin pada September

WELLINGTON, 11 Ogos. - Kerajaan New Zealand akan membuat keputusan pada September ini sama ada untuk mengiktiraf negara Palestin secara rasmi, kata Menteri Luar Winston Peters pada Isnin, lapor Xinhua.

"Kerajaan akan menimbang dengan teliti kedudukannya pada bulan depan berhubung pengiktirafan Negara Palestin," kata Peters seperti dipetik dalam kenyataan kerajaan New Zealand.

Beliau berkata New Zealand akan membuat keputusannya berdasarkan penilaian yang teliti, berpandukan prinsip, nilai dan kepentingan negara.

"New Zealand telah menjelaskan sejak sekian lama bahawa pengiktirafan kami terhadap negara Palestin adalah soal bila, bukan jika."

"Malapateka kemanusiaan di Gaza sememangnya menjadi agenda utama global," kata Peters sambil menambah beliau telah membentangkan taklimat lisan kepada Kabinet mengenai isu itu, dengan perbincangan penuh dijadualkan pada September.

New Zealand, sebagai penyokong lama penyelesaian dua negara dan penentuan nasib sendiri rakyat Palestin, akan terus mendesak gencatan senjata dan penyelesaian politik yang membolehkan rakyat Israel dan Palestin hidup aman berdampingan, katanya.

Menteri luar itu menekankan keperluan untuk menilai sama ada syarat keselamatan, politik, diplomatik dan ekonomi bagi sebuah negara Palestin yang berdaya maju dan sah wujud ketika ini.

Beliau akan membentangkan pendirian New Zealand semasa Minggu Pemimpin Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada akhir September. - ©BERNAMA

Mesir berjaya peroleh semula 13 artifak diseludup ke Britain, Jerman

KAHERAH, 11 Ogos. - Mesir berjaya mendapatkan semula 13 artifak purba yang diseludup ke Britain dan Jerman.

Usaha itu adalah sebahagian daripada langkah Mesir untuk melindungi warisan budayanya dan mendapatkan kembali artifak purba yang dibawa keluar dari negara terbabit secara haram, menurut Kementerian Pelancongan dan Antikuiti Mesir pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan itu, artifak-artifak terbabit diperoleh semula melalui koordinasi dengan Kementerian Luar Mesir dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan dari Mesir, Britain dan Jerman.

Kesemua 13 artifak disimpan di Muzium Mesir di pusat bandar Kaherah untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan, sebelum dipamerkan dalam satu pameran khas artifak yang

baru-baru ini dipulangkan semula.

Antara artifak dari Britain termasuk sebuah stela pengebumian batu kapur Kerajaan Baru, sebuah tangkal kecil babun merah, sebuah bejana berasaskan *faience* hijau dan sebuah balang pengebumian kecil *faience* biru dari Dinasti Ke-18 (1550-1292 SM).

Turut dijumpai semula adalah sebahagian daripada mahkota gangsa yang terdiri daripada bulu, ular tedung dan seekor biri-biri, yang merupakan sebahagian daripada patung besar dewa Osiris, bertarikh antara Dinasti Ke-22 dan Ke-26 (945-525 SM).

Artifak-artifak itu juga termasuk sebuah topeng pengebumian manik dari Dinasti Ke-26 (664-525 SM) dan beberapa tangkal pengebumian *faience* dan batu hitam.

Artifak yang diperoleh semula dari Jerman termasuk sebuah

tengkorak dan tangan dari mumia yang tidak dikenal pasti dan sebuah azimat ankh, simbol kehidupan Mesir purba.

Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Antikuiti Mesir, Mohamed Ismail Khaled menyatakan bahawa penemuan semula artifak-artifak ini adalah susulan daripada rampasan Polis Metropolitan London setelah disahkan bahawa ia diseludup keluar dari Mesir melalui rangkaian artifak antarabangsa.

Mengenai artifak yang diperoleh semula dari Jerman, Khaled menjelaskan bahawa kedutaan Mesir di Berlin menerima notis daripada pihak berkuasa bandar Hamburg yang menyatakan hasrat mereka untuk memulangkan beberapa artifak yang disimpan di muzium bandar itu, setelah disahkan bahawa artifak-artifak berkenaan dibawa keluar dari Mesir secara haram. - ©BERNAMA

KEJOHANAN Mencari Atlet Pelapis Bagi Perediaan Kejoohan Serantau, Antarabangsa



70 atlet sertai Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Dalam usaha bagi sama-sama meningkatkan lagi mutu sukan lawan pedang khususnya golongan atlet di Kepulauan Borneo, Persekutuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam (BDFF) dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menganjurkan Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo Kali Ke-2 Tahun 2025 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas bermula hari ini sehingga Ahad, 17 Ogos 2025.

Sehubungan itu, hadir di majlis pembukaan kejoohan berkenaan pagi tadi ialah Timbalan Yang Dipertua BDFF, Awang Huzaimi bin Haji Abd. Kassim yang juga selaku Pengerusi Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo Kali Ke-2 Tahun 2025.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan sesi penyerahan piala pusingan bagi Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo oleh Pengurus Pasukan, Persatuan Lawan Pedang Kalimantan Barat, Dewi Indah Sari kepada pihak penganjur pada tahun ini yang mana telah diwakili penerimaannya oleh Awang Huzaimi.

Seramai 70 orang peserta atlet lawan pedang terdiri dari Sarawak, Sabah dan Kalimantan Barat termasuk Negara Brunei Darussalam telah menyertai kejoohan tersebut.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu Kategori



SESI penyerahan piala pusingan bagi Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo pada tahun ini telah disempurnakan oleh Pengurus Pasukan, Persatuan Lawan Pedang Kalimantan Barat, kepada Timbalan Yang Dipertua BDFF selaku Pengerusi Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo Kali Ke-2 Tahun 2025.

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

Cadet bagi 17 tahun ke bawah secara individu; Kategori Junior bagi 21 tahun ke bawah secara individu; dan Kategori Terbuka secara individu dan berpasukan.

Terdahulu, Kejoohan Lawan Pedang Piala Borneo buat julung kalinya telah diadakan di Miri, Sarawak pada Disember 2023 yang mana johan keseluruhan pada kejoohan itu telah dirangkul oleh pasukan dari Persatuan Lawan Pedang Kalimantan Barat.

Kejoohan yang dirancang pelaksanaannya setiap dua tahun secara bergilir di Kepulauan Borneo itu telah menyaksikan Negara Brunei Darussalam

menyahut amanah dan tanggungjawab giliran sebagai penganjur kejoohan pada tahun ini.

Dengan adanya kejoohan ini, ia juga dihasrat untuk memberikan pengalaman dan kemahiran serta kebolehan bertanding untuk semua atlet lawan pedang di Negara Brunei Darussalam dan juga negara-negara jiran.

Selain itu, pelaksanaan kejoohan ini juga diharap untuk meningkatkan lagi pengalaman pihak penganjur dalam mengendalikan kejoohan lawan pedang untuk kejoohan serantau dan antarabangsa.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat kejoohan berkenaan dan seterusnya bergambar ramai.

TEMBURONG, Isnin, 11 Ogos. - Hujan lebat tidak sedikit pun mematahkan semangat peserta-peserta dalam Kejoohan Skim Olahraga 2024 -2025 (KSO) di Bawah 21 Tahun di Daerah Temburong untuk terus beraksi bagi meraih kemenangan.

Kejoohan tersebut diadakan di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Temburong, Batu Apoi, baru-baru ini dengan disertai oleh 218 penyertaan lelaki dan perempuan yang berumur 21 tahun ke bawah bagi mempertandingkan 31 acara yang melibatkan 288 pingat.

Hadiah dan pingat pemenang telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Hassan Baha bin Haji Umar yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah piala bagi pemenang pungen pingat secara keseluruhan yang mana dimenangi oleh Pasukan Skim Olahraga, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Daerah Brunei dan Muara dengan pungen pingat 12 emas, lapan perak dan empat gangsa.

Manakala naib johan telah

dimenangi oleh Pasukan Sekolah Sukan dengan kutipan pingat 12 emas dan empat gangsa dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Skim Olahraga, JBS, Daerah Tutong dengan memenangi sebanyak pingat 10 emas, 10 perak dan tujuh gangsa.

Acara yang dipertandingkan adalah Acara Javelin, Acara Shot Put, Acara 4x50 meter (m) U15 Boys and Girls, Acara 4 x 100m bagi Kategori Campuran Bawah Umur 18 Tahun, Acara 4 x 100m bagi Kategori Campuran Bawah Umur 21 Tahun, Acara 4 x 400m bagi Kategori Perempuan Bawah Umur 18 Tahun dan Acara 4 x 400m bagi Kategori Lelaki Bawah Umur 18 Tahun.

Objektif olahraga ini diadakan adalah untuk memberi kesempatan penambahan pengalaman bertanding bagi atlet-atlet muda untuk meningkatkan prestasi.

Kejoohan ini juga adalah untuk mencari atlet-atlet muda baharu yang berbakat untuk menjadi atlet pelapis dan kebangsaan bagi perediaan kejoohan serantau dan antarabangsa di masa akan datang termasuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 dan platform untuk melahirkan atlet dan mencari atlet yang berprestasi tinggi untuk diberikan latihan secara bersistematik dan berterusan.

Klinik Kejurulatihan Penjaga Gol Futsal tutup tirai



SESI bergambar ramai pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Seramai 17 peserta Klinik Kejurulatihan Penjaga Gol Futsal diraikan dalam majlis penutup klinik berkenaan yang berlangsung baru-baru ini, bertempat di Sports & Health Club Dar Takaful di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis berkenaan ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie menzahirkan rasa teruja dan berharap agar segala ilmu dan tunjuk ajar yang dikongsikan semasa klinik berkenaan dapat memberi manfaat kepada para peserta dan seterusnya dapat digunakan dengan baiknya di masa hadapan.

Klinik Kejurulatihan Penjaga Gol Futsal yang dianjurkan bersama Yakin Football League, Almerz, HiTUNE, Muharib dan Penjagagol.bn tersebut turut disokong oleh FABD dalam usaha bagi meningkatkan kemahiran teknikal, taktikal dan mental penjaga gol futsal di Negara Brunei Darussalam.

Dijalankan selama tiga hari berturut-turut mendedahkan para peserta dengan kelas teori dan kelas praktikal yang dikongsikan oleh instruktur jemputan, Dede Sulaeman yang didatangkan khas dari Kelab Futsal Bintang Timur Surabaya.

Para peserta terdiri daripada 11 peserta dari kelab Kota Rangers BK, Al-Mujaahidun FA dan Almerz HiTUNE FC. Sementara itu, seorang jurulatih dari Miri Sarawak dan lima orang skuad futsal kebangsaan tempatan juga terlibat dalam klinik yang dianjurkan pada kali ini.



SERAMAI 70 orang peserta atlet lawan pedang terdiri dari Sarawak, Sabah, Kalimantan Barat dan Negara Brunei Darussalam telah menyertai kejoohan berkenaan yang bermula dari Isnin, 11 Ogos 2025, hingga Ahad, 17 Ogos 2025.



ePaper Pelita Brunei



PMO, MOHA PAMERKAN AKSI TERBAIK



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir menyaksikan perlawanan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, (PMO) berjaya mengejutkan Selasa, 12 Ogos. - Pasukan Bola pasukan Kementerian Sepak Jabatan Perdana Menteri Pertahanan (MINDEF) dengan

AKSI para pemain pada perlawanan tersebut.

disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Kedua-dua pasukan saling mempamerkan aksi yang seimbang bagaimanapun gagal memanfaatkan peluang untuk membolosi gawang lawan di babak pertama.

Pasukan PMO akhirnya berjaya membuka tirai jaringan pada minit ke-46 menerusi Muhammad Nur Yamin Haji Muhammad namun kegembiraan penyokong pasukan PMO tidak bertahan lama apabila pasukan MINDEF berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1 menerusi Sarjan Muhammad Yusri Haji Suhaili pada minit ke-52.

Hadiah sepakan penalti

kepada pasukan PMO berjaya disudahkan oleh Abdul Afiq bin Roslan di minit ke-79 dan kedudukan 2 - 1 kekal sehingga wisel penamat.

Sementara itu, Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MoHA) menang besar ke atas pasukan Kementerian Pendidikan (MoE) dengan jaringan 8 - 0 di Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong.

Kemenangan bergaya pasukan MoHA disumbangkan menerusi jaringan hatrik oleh Md. Hafiz Haji Mahari pada minit ke-11, 32 dan minit ke-50 sementara sentuhan jaringan Ampuan Azami Ampuan Husin di minit ke-26 dan Md. Asnawi Syazmi Abdul Aziz pada minit ke-42 melagakan pasukan pilihan dalam Kumpulan B itu.

Manakala kejayaan pasukan MoHA dilengkapkan dengan jaringan Md. Faiz Farhan pada minit ke-75, Md. Aqmal Hakeem dan Mazri Madlin pada minit ke-89.

kemenangan tipis 2 - 1 pada persaingan Kumpulan 'B', Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 di Padang dan Belapan, Berakas.

Perlawanan menarik itu telah

Baiduri Masters 2025 labuh tirai



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Selepas beberapa hari kejohanan berlangsung dengan penuh aksi di Padang Golf Pantai Mentiri, Baiduri Masters 2025 menutup tirai dengan sambutan ulang tahun ke-30, meraikan tiga dekad semangat komuniti, kerjasama, dan sumbangan amal.

Tahun ini, kejohanan berjaya mengutip BND82,000 yang

disalurkan kepada lima pertubuhan amal tempatan.

Dalam ucapan pembukaan pada Majlis Penyampaian Hadiah di J Hotel, baru-baru ini, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbendaharaan Kumpulan dan Perbankan Institusi, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha, selaku Presiden Baiduri Masters 2025 berkata, sejak tee off

pertama pada 1995, Baiduri Masters telah berkembang menjadi acara golf yang dinanti-nantikan di Brunei.

"Kejohanan ini bukan saja untuk cinta pada sukan, tetapi kerana apa yang diwakilinya. Tahun demi tahun, ia mengumpulkan orang ramai untuk menyokong tujuan yang bermakna. Yuran pendaftaran para peserta bukan sekadar tiket bertanding, ia mewakili peralatan baharu, kemudahan ditingkatkan, peluang latihan, dan paling penting,

SETIAUSAHA Tetap (Belia) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima.

harapan masa depan lebih baik bagi badan amal yang kami sokong," ujarnya.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Setiausaha Tetap (Belia) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Seramai 800 pemain golf, termasuk slot percuma, mengambil bahagian tahun ini.

Lima penerima sumbangan iaitu Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC), SMARTER Brunei, La Vida, Learning Ladders Society, dan Persatuan Kebangsaan Orang Cacat Penglihatan Brunei Darussalam (BNAB), masing-masing menerima sumbangan BND16,400, hasil sepenuhnya daripada yuran pendaftaran peserta.

Pada Baiduri Masters kali ini, Kategori Lelaki menyaksikan Lim Beng Keat mengungguli *playoff* dengan catatan cemerlang 68, sekali gus membawa pulang Jacket Hijau dan Piala Saingan (Challenge Trophy), diikuti tempat kedua dan ketiga yang disandang oleh Awangku Md. Syakir bin Pengiran Haji Alli dan Qawi Aslimon yang

masing-masing mencatat 71.

Pendahulu awal, Bryan Chiew menamatkan permainan dengan 74, diikuti Suhaimi Ibrahim dan Mahendra Phagami (75), Mitchell Steel (77), Julian Kamaluddin (79), Nujaimi Jumat (80), Marcel Leong (82), Khairul Kamis (84) dan Kamal Rana (87).

Dalam Kategori Wanita pula, Dayang Almas Syadzwanie binti Kamis mempertahankan gelaran dengan catatan 74, sekali lagi membuktikan konsistensinya sebagai salah seorang pemain paling mantap dalam sejarah kejohanan ini.

Kategori Junior pula dimenangi oleh Muhd. Harith Irfan Indera Putera dengan catatan 68, diikuti rapat oleh Awangku Muhd. Khair Zakwan dengan 71.

Sebagai tanda menghargai legasi 30 tahun Baiduri Masters, beberapa bekas juara turut hadir antaranya Johari Ahmad, Khairul Kamis, Toni Karim, Awangku Md. Syakir Pengiran Haji Alli, Qawi Aslimon, Irwan Hamid dan Wan Man Wan Hill, semuanya pernah menjadi sebahagian daripada sejarah kejohanan.

Baiduri Masters 2025 disokong rasmi oleh KKBS, sementara QAF Auto dan QAF Prestige bertindak sebagai rakan acara rasmi, manakala Borneo Bulletin dan Media Permata menjadi rakan media rasmi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERBELANJALAH MENGIKUT KEMAMPUAN, ELAKKAN PEMBAZIRAN